

Jilid I
Bil. 26



MALAYSIA

Hari Juma'at
16hb Julai, 1971

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 3029]

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT [Ruangan 3067]

USUL²:

Ranchangan Malaysia Kedua 1971-1975 (Hari Kelima) [Ruangan 3068]

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran
Meshuarat [Ruangan 3109]**

MALAYSIA
DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 16hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

- Yang Berhormat TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

Yang Berhormat DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

„ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

„ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

KLINIK DI-AYER TAWAR/TRONG/ KUALA TRONG—MENGADAKAN

1. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada tempat² yang mempunyai banyak penduduk seperti Ayer Tawar, Trong dan

Kuala Trong tiada mempunyai sa-buah klinik pun, jika tahu apa tindakan yang akan diambil oleh Kementerian beliau mengenai perkara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa ada tempat² yang mempunyai ramai penduduk² di-Ayer Tawar 15,000; Trong 11,100 dan Kuala Trong 2,500 yang belum ada klinik²-nya. Oleh kerana yang demikian chadangan telah dibuat dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini untuk membena sa-buah Pusat Kesihatan Kechil di-Ayer Tawar pada tahun 1971 dan sa-buah Pusat Kesihatan Kechil akan juga

di-bena di-Trong pada tahun 1972. Sa-buah klinik bidan dan rumah bidan juga akan di-bena di-Kuala Trong pada tahun 1972.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah dalam rancangan Kementerian ini akan mengadakan beberapa buah pusat bagaimana yang telah di-terangkan dengan lengkap-nya ia-itu hospital atau pun rumah sakit serta dengan bilek² tompangan dan doktor sa-kali, lebeh² lagi di-kawasan² daerah² yang dinyatakan. Ada-kah rancangan bagi pehak Kementerian ini, ia-itu mendirikan sa-buah hospital yang lengkap ia-itu di-daerah Jasin sa-bagai menggantikan sa-buah rumah sakit yang agak² terlalu usang dan boleh di-katakan rumah sakit itu sa-bagai merupakan tempat² pekerja ladang sahaja. Kalau ada bila-kah masa-nya dan berapakah estimate yang di-jangkakan?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang baharu, tetapi bagi pengetahuan dan pengakuan saya kepada Yang Berhormat yang baharu juga masuk dalam Dewan Ra'ayat ini, saya akan menyiasat perkara ini dan akan di-timbang-kan perkara ini.

DOKTOR DI-PANTAI REMIS/BRUAS— MENGADAKAN

2. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian beliau dapat menguntukkan dengan tetap-nya sa-kurang²nya sa-orang doktor ka-sa-buah klinik di-tempat² seperti Pantai Remis dan Bruas.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kedua² Pantai Remis dan Bruas klinik itu ada-lah pusat² kesihatan kecil. Mengikut rancangan kesihatan per-khidmatan luar bandar doktor² tidak di-tetapkan di-tempat² di-Pusat² Kesihatan Kecil, kerana tidak ada quarters di-situ. Pada masa ini Pusat Kesihatan Kecil di-Bruas di-lawati oleh doktor yang bertugas dari Pusat Kesihatan Besar Parit dan Pusat Kesihatan Kecil Pantai Remis juga di-lawati oleh sa-orang doktor dari Sitiawan. Walau bagaimana pun ada chadangan² untuk menaikkan taraf Pusat Kesihatan Kecil di-Pantai Remis ka-Pusat Kesihatan Besar pada tahun hadapan, dan kita akan dapat menimbang-kan kalau cukup doktor-nya akan di-adakan sa-orang doktor tinggal

di-sana sa-sudah di-bena quarters-nya dan di-tempatkan di-Pusat Kesihatan di-Pantai Remis itu, tinggal tempat yang lain kita mengikut kepada jadual keadaan kemam-puan kakitangan dan kewangan.

Tuan Su Liang Yu: (Dengan izin) Is the Honourable Minister aware that the Health Officer who is supposed to cover the rural clinics weekly in Dindings has also to cover the clinics in Parit and Kuala Kangsar; if so, then what action is he taking to reduce the unnecessary burden to the officer concerned?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Speaker, saya akan periksa kerana ini baharu di-beritahu kepada saya.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Saya suka-lah bertanya kepada Menteri Kesihatan bila-kah Pusat Kesihatan Kecil di-kawasan saya ini dapat di-siapkan, sudah masuk tiga tahun, yang saya tengok tanah-nya sahaja merata, besok-nya, lusa-nya saya pergi tanah juga rata, bulan hadapan pun tanah rata. Bila-kah agak-nya boleh siap?

Tuan Yang di-Pertua: Kawasan?

Tuan Hashim bin Gera: Tempat-nya di-kawasan saya, Parit, Changkat Melintang, daripada pilehanraya dahulu lagi sampai hari ini belum siap.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan Pusat Kesihatan Kecil. Yang sa-benar itu bukan sahaja Pusat Kesihatan, sa-buah Hospital Daerah sedang di-usahakan, sebab itu tempat itu baharu di-bersehhkan, dan insha' Allah tidak berapa lama lagi, tunggu-lah sedikit waktu. Yang Berhormat telah tunggu lama.

Tuan Hashim bin Gera: Terima kaseh.

DOKTOR² MELETAKKAN JAWATAN— JUMLAH

3. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah doktor², doktor² gigi dan pakar² yang telah meletakkan jawatan pada tiap² tahun dari tahun 1965 hingga hari ini dan apa-kah sebab-nya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, mengikut tahun 1965, 53 Pegawai Perubatan dan sa-orang pakar, jumlah 54 yang berhenti. Tahun 1966, 63

doktor, 3 pakar, jumlah 66. Tahun 1967, 78 doktor, pakar tidak ada. Tahun 1968, 99 doktor, pakar 3 orang, jumlah 102 yang berhenti. Tahun 1969, 88 doktor, 4 pakar, 92 jumlah-nya. Tahun 1970, 105 orang doktor, 8 pakar, jumlah 113 dan tahun 1971 sampai bulan Julai 41 doktor, 6 pakar, jumlah 47. Sebab²-nya ada enam:

- (1) Dia berhenti personal reasons, dia tidak chakap apa².
- (2) Melanjutkan pelajaran.
- (3) Berkhidmat dengan Perkhidmatan Pertahanan (Defence). Quick promotion barangkali, saya pun tidak tahu.
- (4) Bekerja sendiri. Banyak duit dapat.
- (5) Berkhidmat dengan Universiti Malaya.
- (6) Balek ka-negeri sendiri.

Doktor Gigi: Tahun 1965 tidak ada yang berhenti. Tahun 1966, 2 orang berhenti. Tahun 1967 sa-orang. Tahun 1968, 11. Tahun 1969, 16. Tahun 1970, 11 dan Tahun 1971 sampai Julai, 7.

Sebab² bagaimana yang saya telah terangkan tadi, enam sebab tadi macham doktor juga.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri beritahu kepada Dewan ini champor-tangan oleh Ahli² Politik Kerajaan dalam pentadbiran Kementerian-nya ada-lah mungkin—saya kata mungkin satu sebab antara yang lain yang telah menyebabkan perletakan jawatan itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada alasan yang di-beri oleh mereka² yang berhenti; saya tidak tahu. Saya terangkan bagaimana doktor itu berhenti. What is the reason? Personal. Kata saya bukan political. Sa-bagaimana yang ada rekod, tidak ada. Dan saya sendiri sa-bagai Menteri Kesihatan di-sini mengambil berat atas segala kebajikan dan superscale appointments sudah banyak kita tambah sekarang ini.

Tuan Su Liang Yu: (Dengan izin) Could the Honourable Minister let us know how many doctors, dental surgeons and specialists resigned from the Government Service because they failed the Malay Efficiency Test?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dengar yang akhir sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua: Lagi satu kali!

Tuan Su Liang Yu: Could the Honourable Minister let us know how many doctors, dental surgeons and specialists resigned from the Government Service because they failed the Malay Efficiency Test?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (Dengan izin) I could have replied, Sir. However, I need notice. I will communicate with the Honourable Member later in writing.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang suka dengar jawapan Yang Berhormat Menteri itu tadi, akan tetapi ada pun kerap-kali di-dengar tentang ada-nya kejadian yang burok itu dan sa-bagai kita semua ma'alum, kalau tidak ada angin ta'kan pokok bergoyang. Oleh yang demikian, boleh-kah Yang Berhormat Menteri itu beri satu jaminan atau assurance kepada Dewan ini supaya keadaan yang tidak di-ingini dapat di-elakkan pada masa akan datang.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Sitiawan supaya daripada pehak² Pembangkang sa-bagai Ahli² Yang Berhormat ini dan dalam negeri juga, tidak akan banyak juga mengambil soal² komplek kepada Menteri² minta tukar dan begitu bagini. Daripada pehak Kerajaan, saya sendiri sa-bagai Menteri, saya mengambil berat; soal² politik tidak timbul dalam soal ini. Soal gaji, saya tidak bertanggung-jawab. Dia hendak dapat gaji lebeh, tidak ada orang yang hendak tahan dia, melainkan ada condition mengikut kerja-nya.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Kesihatan berchadang supaya menambahkan gaji² doktor² yang bekerja di-luar bandar supaya mereka dapat tinggal di-ulu² sungai?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, soal gaji² kakitangan Kerajaan, saya suka terangkan kepada Yang Berhormat², Tuan Yang di-Pertua, gaji doktor yang baharu sahaja lulus, habis housemanship \$1,050; yang paling tinggi sa-kali kalau di-bandingkan dengan kakitangan Kerajaan yang dapat honours, teknikal dan lain² lagi. Gaji Engineer pun

maseh rendah jikalau di-bandingkan dengan gaji doktor, tetapi kalau dia hendak dapat banyak dan lebeh lagi, dia buka sendiri, itu Kerajaan tidak boleh-lah hendak mengikut chara-nya, hendak naikkan tinggi² semua pun hendak naik. Kita tidak dapat-lah hendak beri istimewa kerana doktor, tetapi sekarang dia yang paling baik keadaan-nya bila berkhidmat akan mendapat gaji permulaan sa-banyak \$1,050.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang saya tanya tadi ia-itu mengenai doktor² yang berkhidmat di-luar² bandar, kerana kebanyakan doktor yang tinggal di-ulu² sungai itu mereka tidak tahan tinggal di-ulu² sungai kerana jikalau kita bandingkan chara kehidupan kita sa-tiap hari dengan di-dalam bandar, mereka rasa lebeh bagus lagi tinggal di-dalam bandar daripada di-ulu² sungai dengan orang² yang miskin. Ada-kah Kerajaan mengambil perhatian yang berat di-atas perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, giliran doktor² sama ada di-bandar atau di-luar bandar, ada giliran-nya. Bukan di-luar bandar itu sampai dia penchen pun di-luar bandar—tidak, ada atoran. Dua tahun atau sa-tahun-kah bertukar². Bergilir² juga. Walau macham mana pun kalau ada rayuan, saya akan bawa kepada Kerajaan, sa-bagai Menteri Kesihatan saya akan sampaikan kepada pehak Kerajaan.

KILANG KULITKRAF MARA

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa lama-kah Kilang Kulitkraf MARA mengambil masa untuk di-bena sa-hingga siap sedia menjalankan pengeluaran-nya; dan
- (b) sama ada kilang ini sudah mengeluarkan kasut.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, chadangan mengadakan Kilang Kulitkraf ini telah di-luluskan oleh Majlis Kerja MARA pada 14hb Disember, 1966, dan berturutan dengan kelulusan itu, maka satu perhubungan atau pun pilot project telah di-mulakan di-Pusat Kemajuan Tangan MARA, Petaling Jaya pada awal tahun 1967.

Kemudian daripada itu, Sharikat Kulitkraf Sendirian Berhad telah di-tubuhkan dan di-daftarkan pada 13hb Februari, 1968. Berturutan dengan pendaftaran sharikat ini, maka kerja benaan kilang telah di-mulakan saperti berikut—

Perengkat I—Kilang memproses kulit atau tannery—sempurna pada 30hb April, 1969.

Perengkat II—Bangunan Pejabat/Kantin/Ma'amal dan sa-bagai-nya—sempurna di-bena pada 30hb Mei, 1969.

Perengkat III—Kilang kasut—sempurna di-bena pada 30hb Jun, 1969.

Jadi, masa yang telah di-ambil mulai dari-pada tarikh chadangan ini di-luluskan sa-hingga Kilang Kulitkraf MARA sempurna di-bena kesemua-nya ia-lah 2½ tahun.

Jawapan kapada soalan (b), kilang ini telah pun mengeluarkan kasut² dan juga tas² tangan dan tali-pinggian dari kulit. Penge-luaran yang terbesar sa-kali ada-lah kasut dan pada masa ini Sharikat Kulitkraf Sendirian Berhad ada-lah membekalkan kasut² kapada tentera² di-negara dan juga kapada Jabatan² Kerajaan dan lain² badan berkanun sa-chara borongan.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kapada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, samada dia tahu ia-itu mutu kasut yang di-keluarkan oleh kilang ini ada-lah rendah?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat tahu mengatakan mutu kasut itu rendah, kerana pehak² yang tertentu atau yang berkuasa daripada Perbendaharaan, daripada Kementerian Pertahanan, Lembaga Letrik Negara, Bomba Sabah dan lain² Jabatan Kerajaan telah pun memesan kasut daripada Kulitkraf MARA ini. Jadi, saya fikir tentulah mutu kasut itu tidak rendah sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

BANTUAN KAPADA ORANG MISKIN

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kebajikan Am menyatakan sama ada betul atau tidak bantuan kapada orang

miskin dari Pejabat Kebajikan Masyarakat chuma untuk enam bulan sahaja, kemudian di-review balik.

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, bantuan am kepada orang miskin ia-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri dan oleh kerana itu Kerajaan Negeri-lah yang menentukan syarat² pemberian bantuan itu. Walau bagaimana pun bantuan kepada kanak² yang berkeperluan ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Pusat. Bantuan ini memerlukan kerjasama yang rapat dari ibu bapa dan penjaga kanak² ini jika mereka sa-benar²-nya hendak menikmati bantuan yang di-beri. Oleh kerana itu sangat-lah mustahak bagi tiap² kes bantuan ini di-semak enam bulan sa-kali supaya dapat di-tentukan bahawa kerja² pemulehan berjalan dengan berfaedah dan berkesan.

Tuan Su Liang Yu: (Dengan izin) Is the Honourable Minister aware that many destitutes who were given six months' allowances from the Social Welfare Department received only four months' allowances? If so, what appropriate action is the Honourable Minister taking now to ensure that allowances are given to them regularly?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini juga kalau ta' salah saya minggu lepas, saya ada menerangkan, bantuan yang saperti ini ada dua saloran. Satu, daripada Kerajaan Pusat dan satu di-kelolai oleh Majlis Pusat Kebajikan—itu badan sukarela. Saya di-beri tahu bahawa bantuan 3 bulan sa-kali itu ia-lah dengan sebab pertubohan ini mendapat peruntukkan bantuan 3 bulan sa-kali daripada Majlis Pusat Negeri.

Tuan Su Liang Yu: (Dengan izin) The Honourable Minister has not replied to my question. Those who have been given six months' allowances received only four months' allowances. So what happened to the other two months' allowances?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada betul kes yang sa-rupa itu sila Yang Berhormat beri tahu saya.

RUNGUTAN² TERHADAP PESUROH-JAYA IBU KOTA

6. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kementerian sedar ada-nya rungutan berkenaan tindak tandok sa-chara kuku besi oleh Pesurohjaya Ibu Kota.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak sedar ada-nya berkenaan dengan tindak tandok sa-chara kuku besi oleh Pesurohjaya Ibu Kota itu. Sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu dapat mengemukakan kepada saya apa² sungutan yang tertentu mengenai tindak tandok sa-chara kuku besi Pesurohjaya Ibu Kota yang di-katakan itu, maka boleh-lah Kementerian saya menjalankan siasatan sewajarnya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, hawkers dan juga penjaja² di-dalam pekan Kuala Lumpur di-hambat ka-sana ka-mari saperti lembu dalam pekan, dan ada sa-tengah-nya di-pechahkan pondok² mereka, tidak-kah tahu Menteri yang bertanggung-jawab di-atas perkara itu. Yang kedua, jikalau di-laporkan perkara ini apa tindakan Menteri yang bertanggung jawab itu terhadap pegawai² yang membuat demikian?

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat pun sedar, langkah² yang telah di-ambil oleh Kementerian saya tentang perkara yang di-sebutkan itu.

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Sir, there have been many cases where hawkers have been chased round the town, from place to place, by the Anti-Demolition Squad. The Honourable Minister said that this action has ceased altogether, but could the Minister enlighten this House, why was it necessary, in the first place, to chase these poor fellows round the whole town using steel bars to smash up their goods?

Dato' Ong Kee Hui: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, in the first place, they were going against the law and action had to be taken because they were unlicensed, but, as

I have explained to the Honourable Member who asked the question, steps have already been taken to regularise the matter. I think the position now is that most of these hawkers have been licensed and they are given a chance to earn a living and if there are any more cases which come to light, my Ministry will certainly take whatever action that may be necessary.

Tuan Goh Hock Guan: Will the Honourable Minister consider converting the whole stretch of Petaling Street, right in the heart of the city, to turn it into a pedestrian shopping street so that all these hawkers will have a chance to sell their goods there and which will add an added tourist attraction to the heart of the city, not to mention the fact that it is good town planning practice to reserve the heart of the city for purely pedestrian use and you re-route the traffic? This is done in a lot of other cities in the world.

Dato' Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, as the Honourable Member is aware part of Petaling Street has already been closed at night for petty traders to trade. There are plans for turning the whole of Petaling Street into a night market, but this matter will be considered when the need arises because there are still a number of vacant spaces which have not been taken up.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, will the Minister enlighten this House as to whether it is a fact that belongings of hawkers which are normally taken by the Anti-Demolition Squad are not returned?

Dato' Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, under the provisions of the By-law, these articles which are the subject of prosecution are confiscated.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, supplementary question. I am sure that there is no provision there to confiscate the fruits which are being sold—maybe the stall, but not the fruits and other things that are being sold.

Dato' Ong Kee Hui: I am advised that that is the case, Sir.

Tuan Hor Cheok Foon: (*Dengan izin*) Is the Minister of Technology, Research and Local Government aware that a Member of

Parliament, who, during the course of executing his duty as a people's representative by stepping in to intervene in the harsh action taken by the Anti-Demolition Squad of the Ibu Kota Kuala Lumpur, is now being charged in the court for doing such things?

Dato' Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, that is a separate question which has no relation to the question under answer.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) We accept the Honourable Minister's explanation that these incidents of harsh treatment of hawkers occurred when he was not then the Minister of Local Government but because of the arbitrary action of a dictator-type of Commissioner. What measures have been taken to see that such actions are not repeated in the future?

Dato' Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, the Commissioner is only exercising his duties as laid down by the law. Steps have been taken by my Ministry to see that the position is so regularised that people will not break the law and therefore further action need not be taken against these people.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Orang ada lesen menjual di-hadapan Municipal, tetapi apa fasal di-pechahkan gerai mereka itu, pinggan mangkok di-pechahkan, apa sebab pula tidak di-gantikan balek pinggan mangkok mereka, saya hendak tahu?

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu dahulu. Pada masa sekarang, saya fikir kejadian begitu tidak ada lagi.

Dr Chen Man Hin: Will the Honourable Minister consider setting up an Advisory Council to advise the Commissioner of the Federal Capital to perform acts which are kind and not harmful to the hawkers.

Dato' Ong Kee Hui: I do not think that is necessary, Sir, The Commissioner is, I think a very kindly man and I do not think he needs any such advice. (*Ketawa*).

Tuan Goh Hock Guan: (*Dengan izin*) Sir, I beg to differ with that one, Mr Minister, because as you yourself admitted earlier, these harsh acts were committed against

these poor hawkers before your time by the Commissioner of the Federal Capital. How do you answer that one?

Dato' Ong Kee Hui: Certainly, Sir, not by the Commissioner personally. It may have been done by somebody without his knowledge. (*Ketawa*).

KUMPULAN WANG PINJAMAN BAKAL² SISWA

7. **Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan sedang memberi pertimbangan untuk menubuhkan sa-buah kumpulan wang pinjaman bagi membolehkan bakal² siswa yang miskin dan siswa² melanjutkan pelajaran di-universiti² atau pun mengambil pelajaran siswazah lanjutan (post graduate) dan jika ya, sama ada Kerajaan akan membuat, antara lain², kaedah² dan peratoran² bagi kumpulan wang pinjaman ini, yang mengecualikan sa-saorang penuntut yang memilih untuk berkhidmat kepada Kerajaan sa-bagai guru sa-telah tamat pengajian-nya, daripada membayar balek sa-paroh daripada wang pinjaman-nya.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Speaker, ada-lah benar Kerajaan sedang menimbangkan pembentokan Tabong Pinjaman untuk penuntut² di-Universiti. Untuk sementara waktu ini saya tidak dapat menyatakan peratoran² atau kaedah² berkenaan dengan Tabong Pinjaman ini dan apabila peratoran² dan kaedah² itu di-timbangkan, saya akan mengambil perhatian kepada perkara² yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

SHARIKAT FOH HUP BUS BERHAD—ADUAN

8. **Tuan V. David** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kesatuan Pekerja² Pengangkutan Persekutuan Tanah Melayu telah mengemukakan satu aduan mengenai Sharikat Foh Hup Bus Berhad, mengikut Cheraian 8 (4) Akta Perhubungan Perusahaan Tahun 1967, kerana enggan mengiktirafkan Kesatuan ini pada 26hb Mach tahun 1971, dan jika ya, mengapa pehak Kementerian tidak mengambil sa-barang tindakan mengenai perkara ini dan

sama ada Menteri sedar bahawa sebab tindakan segera tidak di-ambil oleh pehak Kementerian, pehak Sharikat telah melakukan suatu perbuatan di-luar dugaan terhadap ahli² Kesatuan.

Timbalan Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Tuan Speaker, saya sedar bahawa Kesatuan Pekerja² Pengangkutan telah mengemukakan satu aduan tentang keengganan Sharikat Foh Hup Bas Sendirian Berhad, Kuala Lumpur, mengiktiraf kesatuan di-atas tuntutan pehak Kesatuan pada bulan Mach, 1971. Apabila aduan ini di-terima, Kementerian saya telah mengambil tindakan yang sa-wajar-nya. Pehak Sharikat telah di-hubongi dan perhatian-nya di-tarek kepada perbekalan² Akta Perhubungan, 1967. Perbekalan itu ada-lah mengenai pengiktirafan Kesatuan Sa-kerja. Hasil-nya Kementerian saya dapat-lah menjalankan pemereksaan keahlian untuk menentukan kedudukan perwakilan kesatuan berhubung dengan pekerja² di-sharikat itu. Pemereksaan keahlian ini sempurna di-jalankan pada 8hb Jun, tetapi hanya sa-lepas 3 kali di-tanggohkan semua-nya dengan permintaan kesatuan dan hasil-nya telah di-sampaikan kepada kesatuan. Duka-chita apa yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat itu tentang tuduhan-nya yang samar² itu bahawa sharikat telah melakukan suatu perbuatan di-luar dugaan terhadap ahli² kesatuan ada-lah kurang jelas. Kira-nya beliau dapat memberikan dengan lebih jelas, Kementerian saya akan menyelidek hal itu dan membetulkan sa-barang ketidak-puasan yang mungkin ada.

Tuan V. David: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. (*Dengan izin*) Sir, a number of complaints on victimisation had been lodged. Will the Minister assure this House that he will definitely take the necessary action on the company in respect of this victimisation?

Tuan Lee San Choon: Tuan Speaker, itu pada pendapat saya soalan lain—general victimisation, dan juga pada hari ini ada satu soalan berkenaan dengan victimisation dan saya sedia jawab di-masa akan datang.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, victimisation is quite related to the question of recognition. While recognition is pending, the company has been allowed or permitted indirectly to victimise the workers. So, as such, I wish to have a categorical assurance from the Minister that he will take an interest to assess the situation.

Tuan Yang di-Pertua: That is not a question. That is a demand for a categorical assurance.

Tuan Lee San Choon: Tuan Speaker, jikalau ada kes² yang specific bawa-lah kapada kita, kita sentiasa siasat. Jika soal seperti ini general—'am sahaja kita ta' dapat tahu apa perkara yang specific dan yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, I have already made complaints. If the Minister may desire, I am prepared to forward further copies of the already reported issues.

Tuan Lee San Choon: Beri-lah tahu kita.

KESATUAN PEKERJA BAGI MAJIKAN²

9. Tuan V. David minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau akan mengemukakan suatu Rang Undang² bagi menjamin pengiktirafan majikan² untuk sa-barang Kesatuan Pekerja di-negera ini.

Tuan Lee San Choon: Tuan Speaker, saya menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kapada Bahagian 3 Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 ia-itu mengenai Peratoran² Yang Perlu di-ikuti dalam tuntutan² pengiktirafan daripada kesatuan² sa-kerja yang sa-patut-nya beliau sendiri sedia ma'alom. Di-bawah bahagian Akta itu Menteri di-beri kuasa membuat keputusan sa-kira-nya satu² tuntutan pengiktirafan daripada sa-sabuah Kesatuan Sa-kerja tidak terselesai di-antara kedua belah pihak, ia-itu antara sa-orang majikan dengan sa-buah Kesatuan Sa-kerja Pekerja.

Sukachita saya menyatakan bahawa sa-takat ini peratoran² ini akan berjalan dengan memuaskan hati dan ternyata menchukupi. Keperluan untuk mengemukakan satu Rang Undang² untuk menjamin pengiktirafan

majikan² untuk sa-barang Kesatuan Pekerja di-negeri ini seperti chadangan Yang Berhormat itu, yang demikian itu tidak timbul. Seperti mana Ahli Yang Berhormat dari Dato' Kramat akan bersetuju bahawa disebabkan ada-nya bahagian Akta Perhubungan Perusahaan ini Kesatuan Pekerja Pengangkutan, beliau menjadi Setia-usaha Agong-nya telah mendapat pengiktirafan daripada sa-bahagian besar sharikat² bas dan pengangkutan jalan di-seluruh Malaysia.

9. Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, while the Minister says that the Transport Workers' Union has obtained recognition from a number of companies, the Minister failed to say that recognition has not been obtained from many companies also. Sir, will the Minister say what appropriate action will be taken on employers who are not prepared to bind themselves to the decision of the Minister on a membership check?

Tuan Lee San Choon: Tuan Speaker, saya fikir saya telah jawab soalan ini dalam jawapan saya, ia-itu pada pendapat kita Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 itu ada-lah di-jalankan dengan memuaskan dan tidak perlu apa² jaminan² lain yang patut di-beri.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, the Act does not provide punishment to the employers, Sir. So the Unions will be prepared to have any proposal that the Government may have in mind to introduce necessary amendments to the laws so that employers who refuse to recognise unions shall be dealt with.

Tuan Lee San Choon: (*Dengan izin*) Tuan Speaker, I said that in our view it is not necessary, because the Act itself, the Industrial Relations Act, 1967, is sufficient to cover that aspect.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, instead of leaving this question of recognition to the discretion, which means to the whims and fancies of the Minister of Labour, wouldn't the Government consider introducing legislation to ensure automatic recognition for unions with majority representation so as to minimise the incidence of intimidation, victimisation and dismissal arising from trying to form a union which is the biggest

bug-bear in trying to organise the large mass of unorganised workers in this country, which is about 90%?

Tuan Lee San Choon: Sir, in our view and the view of the vast majority of the people of this country, our way is the best way.

Tuan V. David: I must say that there has been a lot of dissatisfaction expressed by many unions on the question of recognition. So we would like the Minister to reconsider the whole aspect of recognition, the procedures on recognition.

Tuan Lee San Choon: Sir, I am not aware of it.

Tuan Yang di-Pertua: I keep repeating, this is not a dialogue; this is question and answer. Form your statement in the form of a question next time; otherwise I shall disallow any statement like that.

KECHURIAN KEPALA² TALIPON

10. Tuan Abu Bakar bin Umar bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom berapa bilangan kepala² talipon yang telah di-churi daripada pondok² talipon di-kawasan² luar bandar di-Kedah dengan menyatakan tempat² di-mana kechurian² tersebut berlaku.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1969 ada dua kejadian berlaku tentang kechurian Peti Duit Pondok Talipon. Satu di-Gurun dan satu lagi di-Kubang Village. Dalam tempoh yang sama 15 kejadian kerosakan telah berlaku kepada pondok² talipon orang ramai di-kawasan² luar bandar di-Kedah, dan ini telah mengakibatkan putus-nya perkhidmatan talipon.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah perkara kechurian Kepala Talipon ini berlaku juga di-Negeri² yang lain daripada Kedah?

Tun V. T. Sambanthan: Ada.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-bagai yang di-beritahu kepada Dewan ini masaalah ini tidak terhad kepada negeri Kedah sahaja, akan tetapi ada-lah satu masaalah yang timbul di-seluruh Malaysia Barat, istimewa

pula saya perchaya di-kampong² luar bandar. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri itu sedia menimbang membuat arahan supaya pondok² talipon itu di-pindah atau pun di-tempatkan di-tempat² yang kurang terpenchil supaya talipon² itu di-kawal oleh orang ramai atau pun pegawai² polis?

Tun V. T. Sambanthan: Polisi yang baharu kita hendak simpan pondok² talipon di-hadapan polis station.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) In view of the new telephone policy of the Government, will the Honourable Minister see to it that the telephones at the multi-million dollar Subang Airport are working, because they are always out of order, which is a badge of national disgrace to this country.

Tun V. T. Sambanthan: (*Dengan izin*) This question has been raised a number of times, and the telephones have been repaired. But oddly enough, now and then, people go in and break them up or spoil them. It is a recurring process.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah tidak Menteri yang berkenaan sedar bahawa pondok talipon di-pekan Langgar ada-lah tepi bangunan balai polis?

Tuan Yang di-Pertua: Ulang balek pertanyaan itu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Yang Berhormat Menteri mengatakan, mengikut polisi yang baharu ini, pondok talipon akan di-letakkan dekat dengan balai polis. Saya menanya ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa pondok talipon di-Langgar itu dekat, atau pun di-hadapan polis station sendiri, itu pun di-churi kepala-nya oleh penchuri²?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, ini dalam kawasan Yang Berhormat, apa saya boleh buat.

TALIPON—KESULITAN PERHUBONGAN

11. Tuan Abu Bakar bin Umar bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom

(a) ada-kah beliau sedar bahawa penduduk² di-kawasan Langgar, Kedah

sedang mengalami kesulitan mengenai perhubungan talipon di-sebabkan kepala talipon telah di-churi daripada pondok talipon; dan

- (b) bila-kah pesawat talipon baharu akan di-pasang di-situ.

Tun V. T. Sambanthan: Sa-buah pondok talipon orang ramai telah di-pasang di-pekang Langgar pada 22-6-1959. Talipon tersebut telah di-potong oleh kerana Jabatan Talikom telah mengalami kesulitan menyelenggarakan-nya oleh sebab kerja² merosak yang telah di-lakukan berbilang² kali. Sekarang ada di-chadangkan untuk memasang sa-mula pondok talipon lagi di-hadapan Polis Station Pekan Langgar.

KELEWATAN MELAKSANAKAN PROJEK²

12. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kelewatan melaksanakan projek² ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan pegawai² Kerajaan yang bertaraf ikhtisas dan, nyatakan langkah² yang di-ambil bagi menyelesaikan masalah ini dan Kementerian² yang terlibat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, langkah² untuk mengatasi kekurangan pegawai² ada-lah di-terangkan dalam Buku Merah ia-itu Ranchangan Kedua Malaysia.

TINDAKAN TATATERTIB PEGAWAI² KERAJAAN

13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan bila mana pegawai² Kerajaan telah di-dapati tidak chekap menunaikan kewajipan² mereka terhadap ra'ayat dan negara, apa-kah langkah² yang telah di-ambil ka-atas mereka dan berapa ramai-kah pegawai² yang telah di-kenakan tindakan tatatertib seperti:

- (a) di-berhentikan dari perkhidmatan; dan
(b) di-tahan kenaikan gaji mereka.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Perintah² Am ada-lah di-terangkan hukuman² yang boleh di-kenakan kepada pegawai² Kerajaan yang tidak chekap dalam kerja-nya atau pun di-dapati melakukan kesalahan² tatatertib. Hukuman yang di-beri itu ada-lah bergantung kepada ke-

salahan² yang di-perbuat dan juga menurut keadaan² kesalahan itu. Hukuman itu ia-lah daripada amaran kepada berhenti buang kerja.

Berkenaan dengan bilangan² yang di-kehendaki itu, saya dukachita tidak dapat hendak menerangkan kerana ini mengambil masa yang panjang, meliputi semua jawatan² Kerajaan dan kuasa bagi menghukumkan menahan kenaikan gaji kepada pegawai² adalah di-tangan Lembaga Tata-Tertib Kementerian² dan Jabatan².

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-dalam kita hendak melaksanakan Ranchangan Malaysia yang Kedua ini, ada-kah Kerajaan berchadang hendak menguatkan atau melebeh tegaskan tindakan tata-tertib terhadap pegawai² Kerajaan itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan, kalau ada pegawai² yang tidak chekap dan membuat kesalahan. Kerajaan terpaksa mengambil tindakan tidak menunggu pada masa melaksanakan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua sahaja, bahkan sa-tiap masa.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Ada-kah Kerajaan sedia berchadang hendak membuat satu peratoran baharu, ia-itu mengarahkan lawatan mengejut kepada Ketua Pejabat supaya mengikuti perkembangan perlaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua kelak?

Perdana Menteri: Kita telah pun membuat arahan, Tuan Yang di-Pertua.

CHACHING KERAWIT—KANAK² LUAR BANDAR

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan ada-kah benar bahawa hampir² 89% kanak² di-kawasan² luar bandar maseh mengidap penyakit chaching kerawit, jika benar, apa-kah langkah² yang Kerajaan hendak ambil bagi membasmi penyakit ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, mengikut penyiasatan yang telah di-buat pada tahun 1969, di-dapati kira² 35 peratus murid²

sahaja yang mengidap penyakit chaching kerawit atau hook-worm, bukan-lah 89 peratus seperti yang di-sebutkan dalam pertanyaan itu. Juga di-dapati kira² 68 peratus murid² mengidap chaching gelang atau pun round worm. Daripada chaching² ini, chaching yang lebih merbahaya ia-lah chaching kerawit yang menghisap darah sa-masa mereka berada dalam perut.

Kementerian Kesihatan sudah ada membuat rancangan dengan Kementerian Pelajaran bagi mengawal penyakit² ini dengan rawatan kempen tandas dan bekalan ayer minum dan dengan kempen memakai kasut. Satu masalah rawatan ia-lah sa-takat baharu² ini pihak Kementerian tidak dapat ubat yang sesuai bagi di-gunakan dalam kempen yang besar²an oleh kerana ubat yang ada merbahaya jikalau di-gunakan tanpa kawalan.

Akan tetapi baharu² ini satu jenis ubat telah di-dapati yang di-nyatakan tidak merbahaya dan mujrab pula. Ubat ini akan di-chuba terlebih dahulu sa-belum di-gunakan dengan chara besar²an. Tetapi yang lebih mustahak daripada rawatan ia-lah kempen membuat tandas dan membaiki bekalan ayer minum sa-bagai mencegah penyakit ini. Semenjak 1968, Kementerian Kesihatan telah menjalankan kempen kebersehan kawasan sa-bagai projek panduan dalam sa-belas kawasan dalam Malaysia Barat. Daripada tahun hadapan kempen ini akan mula di-kembangkan di-seluruh Malaysia Barat bersama² dengan kempen khas di-sekolah² juga. Kempen ini akan memakan masa sa-kurang²nya hingga tahun 1980. Kejayaan kempen ini memerlukan kerjasama sa-penoh²nya daripada penduduk² luar bandar membuat tandas dan membaiki bekalan ayer minum, masing² dengan tenaga sendiri dengan nasihat dan kerjasama daripada kaki-tangan Kementerian dan Pejabat Kesihatan.

Akhir-nya patut-lah juga saya sebutkan disini mengikut pengalaman di-negara² lain, penyakit ini chuma dapat di-kawal bukan-lah dapat di-basmi langsung. Sa-lain daripada itu kejayaan kempen ini bukan-lah dibuktikan dengan kurang bilangan penduduk² yang mengidap chaching, akan tetapi dengan kurang bilangan chaching reduced worm load dalam perut orang yang menderita.

Wan Mokhtar bin Ahmad: Soalan tambahan. Dapat-kah Menteri Yang Berhormat

menerangkan di-kawasan mana-kah kanak² yang banyak sa-kali terlibat dalam penyakit chaching kerawit?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini di-seluruh Malaysia, saya ta' dapat hendak menamakan kampung²—banyak kampung². Saya akan ambilkan list nanti. Minta tempoh berkenaan dengan nama² itu.

Tuan Hashim bin Gera: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sangat tertarik hati jawapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan tadi untuk hendak menjauhkan penyakit chaching kerawit. Satu daripada proses-nya ia-lah memberi ayer minum kepada orang² kampung, tidak ayer yang kotor. Tetapi ada-kah Menteri Kesihatan itu tahu bahawa di-kawasan saya pili² yang di-tepi jalan yang perchuma di-buat oleh Kerajaan itu mula hendak di-potong oleh Pejabat Kerja Raya dan di-suroh-nya orang kampung pasang paip dari tepi jalan ka-rumah. Apa-lah daya orang kampung itu miskin. Jadi apa-kah langkah yang patut Menteri Kesihatan membuat satu tindakan memberitahu Pejabat Kerja Raya di-Negeri Perak sana, supaya pili² di-tepi jalan itu jangan di-potong.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini dasar menggunakan ayer dan ayer dalam Kuasa Kerajaan Negeri. Saya sendiri telah berhubung dengan Perdana Menteri sendiri dan dengan Kementerian Negeri dan Pembangunan Luar Bandar supaya jangan di-tutup paip² ayer yang ada, kalau orang² banyak gunakan ayer, mereka Kena bayar macham di-Negeri Sembilan. Saya dapat tahu ada peratoran² itu. Tetapi Yang Berhormat ta' usah susah-lah, Beri-lah kerjasama dengan Kerajaan Negeri Perak.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, aduan² di-terima dari kawasan saya dan mereka tidak mampu memasang paip masuk ka-rumah dia. Dengan sebab itu, saya berharap kerjasama Menteri Kesihatan, kita berdua memberi penerangan ka-sana (*Ketawa*) dan berjumpa dengan engineer ayer jangan potong dalam kawasan saya itu, penyakit chaching kerawit akan merebak. Terima kaseh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai pengetahuan Yang Berhormat, insha' Allah saya akan melawat di-sana dan dia pegang changkul. Kita buat

perigi, kerana ini satu daripada kempen perigi yang dalam dan ada pakai pam—bukan hendak menunggu paip ayer daripada kolam ayer, tetapi mesti-lah bekerja sama gotong royong.

Dato' James Wong Kim Min: Sir, we are correct in listening correctly to what the Minister said when he said this, that the Ministry or Government is going to provide shoes for school children. Another thing is would the Honourable Minister provide water supplies for the rural areas in order to reduce the incidence of round worms?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat barangkali faham tentang soal sepatu hendak beri perchuma ini, saya ta' dengar, tetapi Jawatankuasa Kementerian Kesihatan dan Pelajaran akan di-rundingkan perkara ini. Berkenaan dengan bagi ayer, ini kita akan timbangkan. Saya dapat tahu UNICEF dalam Negeri Sarawak memang ada membuat perigi² ayer yang dalam dan saya perchaya sekolah² ada mempunyai perigi² itu. Saya akan pereksa bersama² dengan Yang Berhormat nanti apabila saya pergi melawat kawasan beliau di-Miri.

LESEN² PUKAT TUNDA

15. Tuan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah kenapa-kah lesen² pukat tunda di-sabelah Pantai Timor (Kelantan) itu hanya di-keluarkan untuk 4 bulan di-awal tahun dan 4 bulan di-penghujung tahun, bukan-kah itu menambahkan lagi penganggoran.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, lesen bagi pukat tunda yang di-keluarkan di-Pantai Timor ada-lah daripada dua jenis:

- (i) Lesen bagi pukat tunda ikan;
- (ii) Lesen bagi pukat tunda udang.

Tarikh bagi lesen pukat tunda ikan ada-lah untuk sa-panjang tahun ia-itu daripada bulan Januari sa-hingga bulan Disember. Kawasan yang di-luluskan memukat tunda ada-lah di-hadkan mengikut berat bot dan kekuatan injin-nya ia-itu daripada 3, 7 dan 12 batu daripada pantai. Kawasan bagi memukat tunda udang tidak-lah di-had kerana udang di-dapati di-perayeran di-tepi

pantai tetapi tarikh bagi lesen memukat tunda udang ada-lah di-hadkan bagi bulan November sa-hingga bulan April sahaja, oleh sebab yang pertama sa-kali di-masa ini-lah sahaja musim udang sa-benar-nya berada di-Pantai Timor. Dan di-masa itu juga ada-lah musim tengkujuh di-Pantai Timor perkakas² menangkap ikan biasa tidak dapat digunakan. Nelayan² yang berkenaan ini-lah yang di-luluskan supaya perusahaan pukat tunda udang itu dapat di-jalankan.

Jika pemukat tunda udang di-luluskan di-usaha sa-lepas musim tengkujuh, maka perusahaan ini akan mengganggu perusahaan² yang lain yang menggunakan perkakas² biasa yang di-mulakan perusahaan-nya sedangkan penangkapan udang oleh pukat tunda tidak lagi memberi keuntungan apa².

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-bagaimana yang di-alami oleh nelayan² itu sendiri bahawa udang ini terdapat sa-panjang masa. Maka ada-kah pehak yang berkenaan sanggup mengeluarkan lesen terus menerus sa-bagaimana lesen tunda ikan?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi kita terpaksa mengawal supaya pemukat² tunda ini tidak mengganggu kawasan² dekat dengan tepi pantai, ia-itu di-bawah daripada tiga batu, kerana kawasan² ini kita khaskan untuk nelayan² kecil yang menggunakan kail dan sa-bagai-nya. Jadi kalau sa-kira-nya kita membenarkan pukat tunda udang sa-panjang masa dengan tidak ada had bulan-nya dan berma'na-lah kita akan mengganggu nelayan² kecil yang menggunakan kail dan sa-bagai-nya daripada menjalankan perusahaan mereka. Maka dengan sebab itu daripada bulan Mei membawa kepada bulan November, kita tidak membenarkan pukat tunda ini di-jalankan di-tepi pantai. Tetapi kita ada membenarkan mereka menjalankan perusahaan ini daripada 3 batu ka-atas, 5 batu ka-atas dan 7 batu ka-atas. Itu mengikut besar bot-nya dan besar kuda injin-nya. Jadi kalau sa-kira-nya mereka ini hendak menjalankan perusahaan menangkap ikan dengan chara pukat tunda dalam masa bulan Mei sa-hingga bulan November, mereka boleh mendapat lesen menjalankan perusahaan pukat tunda untuk ikan dengan membayarkan lesen untuk yang demikian.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, perkakas yang di-guna untuk pukat ikan lain daripada perkakas yang di-guna untuk pukat udang. Dengan sebab itu, ada-kah pehak Menteri sedar bahawa untuk hendak sambong kerja tangkap ikan oleh nelayan² yang sa-lama ini ada pukat udang ini memang memakan belanja yang besar?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan tidak-lah sa-bagitu besar kalau sa-kira-nya kita bandingkan dengan mudharat yang di-lakukan kepada nelayan² kecil yang menjalankan perusahaan sa-chara mengail, membuat bubu dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah chukop dan jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 16 hingga 37 adalah di-beri di-bawah ini.)

BOT MOTO DAN PUKAT TUNDA— KEGUNAAN PERIKANAN

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatak:

- (a) nelayan dari mana telah di-beri bot moto dan pukat tunda untuk kegunaan dalam perusahaan perikanan; bilangan bot² moto dan pukat² tunda yang telah di-beri;
- (b) jumlah harga dan kemajuan-nya.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) Kementerian saya pada tahun 1968 telah menjalankan tiga ranchangan pukat tunda untuk nelayan² Pahang, Trengganu dan Kelantan. Tiap² satu ranchangan 5 buah bot telah di-usahakan. Pada tahun 1969, peserta² dari Kelantan telah meninggalkan ranchangan ini dan 5 buah bot yang mereka usahakan itu telah di-beri kepada nelayan² Pahang. Nelayan² di-Kelantan telah bertindak demikian oleh sebab mereka terpaksa oleh keadaan menggunakan pengkalan Kuala Trengganu, yang mana ada-lah jauh daripada kampung mereka dan telah menimbulkan beberapa kesukaran.

- (b) Tiap² sa-buah bot lengkap dengan alat² berharga \$52,000. Bot² itu ada-lah di-usahakan oleh Sharikat Nelayan Pukat Tunda. Bot² itu telah di-sewakan oleh Kementerian dan sa-telah membayar sa-banyak 70% dari harga asal bot² dan alat itu, Kementerian akan menyerahkan hak milek bot² dan alat² itu kepada Sharikat² Nelayan tersebut. Kemajuan Ranchangan ada-lah tidak begitu memuaskan.

Satu lagi ranchangan yang Kementerian saya usahakan ia-lah pada tahun 1968, di-mana 10 buah bot untuk pukat hanyut dan mengail telah di-beri sechara bayaran beransor² kepada nelayan² di-Kelantan.

Tiap² sa-buah bot itu berharga \$4,228. Nelayan² tersebut di-kehendaki membayar hanya 70% dari harga asal bot² tersebut. Kemajuan nelayan² tersebut ada-lah sederhana.

NELAYAN² DI-HANTAR KELUAR NEGERI BERLATEH—BILANGAN

17. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan bilangan nelayan² Malaysia yang telah di-hantar untuk latehan perikanan di-luar negeri, dan jika ya, negara² mana.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Hingga sekarang hanya dua rombongan nelayan² telah di-hantar melawat sambil belajar ka-luar negeri:

- (i) Pada tahun 1963, 20 orang nelayan telah di-hantar ka-Negeri Thai sa-lama 10 hari.
- (ii) Pada tahun 1967, seramai 8 orang ketua² nelayan telah melawat sambil belajar ka-Korea Selatan dan Taiwan sa-lama 11 hari.

PUSAT PEMELIHARAAN IKAN— BILANGAN

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan bilangan pusat² pemeliharaan ikan di-negara ini dan tiap² Negeri dan bantuan apa yang di-beri oleh Kerajaan kepada pehak² penganjur.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Bilangan Pusat Pemeliharaan Ikan di-negara ini ia-lah empat; bertempat di-Enggor

dan Tapah, Perak; Bukit Tinggi, Pahang dan Machang, Kelantan. Bantuan² barang² yang di-beri kepada pehak² penganjor ada-lah seperti berikut:—Baja Super phosphate, kapur, Beg Polythene, Pipe ayer, Simen dan Anak² Ikan.

Bantuan² ini hanya di-beri kepada penganjor² yang mempunyai kolam² yang tidak kurang daripada 1/5 ekar.

TUA RUMAHS AND TUA KAMPONGS—PAYMENT OF ENTERTAINMENT EXPENSES

19. Tuan Khoo Peng Loong: (*Dengan izin*) asks the Federal Minister of Sarawak Affairs to state whether he would urge the Government to pay for all the expenses incurred by Tua Rumahs and Tua Kampongs in entertaining V.I.Ps or Ministers who visit their longhouses and kampongs.

Menteri Hal Ehwal Sarawak (Tan Sri Temenggong Jugah anak Barieng): (*Dengan izin*) The Honourable Member from Bandar Sibu is also a Member of Council Negri (State Assembly). This is a matter for the State Government to decide and he should have asked this question at the last meeting of Council Negri. I would like to suggest to the Honourable Member to raise up his question at the next sitting of Council Negri.

SIARAN RADIO HARAM—KETENTUAN

20. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sebab tidak dapat di-kesan dan di-tentukan dari mana datang-nya siaran radio haram yang konon-nya datang dari sempadan Malaysia-Thai, walau pun ada alat² radio dan talikom yang modern.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Saya tidak mengetahui bagaimana Ahli Yang Berhormat telah mendapat kepastian bahawa Jabatan Talikom tidak boleh menentukan dari mana datang-nya siaran radio haram itu. Jabatan Talikom telah menentukan sumbar² siaran tersebut dan telah mengemukakan maklumat² itu kepada Kementerian yang berkaitan.

(*Dengan izin*) I do not know how the Honourable Member has come to his conclusion that the Telecoms. Department has

been unable to track the illegal broadcasts. The Department has tracked the source and has passed on the information to the appropriate Ministry.

RUMAH SAKIT UMUM, TAPAH—PERKHIDMATAN DI-JABATAN PESAKIT LUAR

21. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan bila-kah khidmat akan di-mulakan di-Jabatan Pesakit Luar Rumah Sakit Umum, Tapah yang telah lama di-tangguh²kan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Lukisan Pelan Bentok Konkerit dan Lukisan Pelan Tapak Jabatan Pesakit Luar yang baharu di-Hospital Daerah, Tapah ada-lah di-dalam penyelenggaraan dan telah hampir siap. Saya telah di-beri tahu bahawa panggilan tender untuk pembinaan bangunan ini di-jangka akan di-buat dalam bulan September, 1971.

(*Dengan Izin*) The reinforced concrete structural and foundation drawings of the new Outpatients' Department at District Hospital, Tapah are under preparation and is near completion. I am being informed that tenders for the construction of the building is expected to be called in September, 1971.

RUMAH SAKIT UMUM, IPOH—PEMBENAAAN

22. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan bila-kah kerja² membena bangunan Rumah Sakit Umum yang baru bagi Ipoh akan di-mulakan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya sekarang ini sedang membuat beberapa pindaan² yang perlu untuk pelan Hospital Ipoh dan kerja² pembenaan akan di-mulakan sebaik² sahaja perkara² di-atas di-selesaikan.

(*Dengan izin*) The P.W.D. Headquarters is now preceding to prepare the necessary modifications to the plan for the Ipoh Hospital and construction work will start as soon as the above are finalised.

KESATUAN SEKERJA—ANIAYA TERHADAP PEKERJA YANG HENDAK MENUBOHKAN

23. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan mengapa tiada tindakan yang di-ambil terhadap majikan² yang telah di-dapati salah kerana menganiayakan pekerja² yang hendak menubuhkan atau memasoki Kesatuan Sekerja sesuai dengan syarat² Undang² Perhubungan Perusahaan.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Dari sa-masa ka-samasa Kementerian saya menerima aduan² sama ada dari pekerja² sendiri atau menerusi kesatuan sekerja mereka mengadakan di-aniaya oleh majikan² dengan membuang kerja mereka. Aduan saperti itu ada-lah di-siasat dan jika di-dapati bakti² penganiayaan, tindakan sawajar-nya di-ambil sama ada memerintah majikan mengambil balek pekerja yang berkenaan dan membayar-nya bayaran² gaji yang sa-patut-nya di-dapati semasa beliau tidak bekerja atau di-minta membayar pampasan yang sa-chukop-nya sa-bagai ganti pengambilan kerja semula. (Dalam kes² tertentu, di-mana perlu, aduan² yang demikian di-rujukkan ka-Mahkamah Perusahaan).

(Dengan izin) From time to time my Ministry receives either from the individual workers or through their trade unions such complaints of alleged victimisation by employers through dismissals. Such complaints are investigated and where evidence of victimisation is found appropriate action is taken either to order the employer to reinstate the worker concerned and to pay him the amount of wages that he would have normally earned during the period he had been out of work or to pay adequate compensation in lieu of reinstatement (In some cases, where appropriate, such complaints are referred to the Industrial Court).

PEMBUANGAN KERJA OLEH MAJIKAN—TINDAKAN KA-ATAS KES²

24. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan mengapa kes² pembuangan pekerja oleh majikan² yang telah di-laporkan kepada beliau mengambil masa begitu lama ia-itu lapan bulan hingga sa-tahun untuk di-selesaikan; nyatakan juga berapa banyak

kes² dalam mana beliau telah memerintah-kan supaya pekerja² di-ambil semula sejak bulan Oktober 1969.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kebanyakan dari kes² pembuangan kerja telah di-selesaikan dalam masa 45 hari sa-chara hitong panjang. Bagaimanapun, ada kes² tertentu yang memakan masa yang lebeh panjang di-sebabkan keadaan² yang di-luar kekuasaan Kementerian saya, misal-nya, penaggoan penyiasatan² dengan permintaan dari kedua belah pihak untuk membenarkan mereka menyelesaikan masalah mereka sa-sama sendiri, penaggoan dengan permintaan mana² pihak kerana satu² sebab, para pengadu tidak dapat di-chari di-alamat yang telah di-beri, para saksi jatuh sakit pada tarikh² diadakan penyiasatan dan sebagai-nya.

Di-antara Oktober, 1969 sampai hingga Mei, 1971 termasuk kedua² bulan itu, sa-banyak 1,279 kes pembuangan kerja telah di-laporkan kepada Kementerian dan 1,031 kes telah di-selesaikan.

Daripada 1,031 kes yang di-selesaikan itu,

- (a) 511 kes di-selesaikan hasil daripada runding-damai oleh Kementerian saya tanpa terpaksa membuat apa² perintah. Daripada 511 kes, 145 pekerja di-ambil bekerja balek dalam pekerjaan² mereka, 296 pekerja di-bayar sagu hati sa-bagai ganti di-ambil bekerja sa-mula dan lain²-nya menerima alasan mereka di-buang kerja dan tidak perlu meneruskan perkara itu lebeh lanjut lagi.
- (b) 76 kes telah di-tarik balek dengan permintaan pengadu² sa-belum penyiasatan di-mulakan.
- (c) Perintah² di-buat dalam hal 444 kes—34 supaya pengadu² di-ambil balek bekerja, 45 supaya sagu hati di-bayar kepada pengadu² dan 365 supaya aduan² itu di-tolak sa-telah penyiasatan² di-jalankan.

(Dengan izin) Cases of dismissal of workers have been mostly settled within a period of 45 days on the average. However, there are some cases which have taken a longer time due to circumstances beyond the control of my Ministry, for example, postponement of inquiries at the request of the parties to allow them to settle the issues directly between themselves, postponement at the request of either party for one reason

or another, complainants not being traceable at the given address, witnesses falling ill on the dates of enquiry, etc.

Between October, 1969 and May, 1971, inclusive of both months, a total of 1,279 cases of dismissals were reported to the Ministry and 1,031 cases were settled.

Of the 1,031 cases so settled,

- (a) 511 cases were settled through the conciliation of my Ministry without recourse to any order. Of these 511 cases, 145 workers were reinstated in their employment, 296 workers were paid compensation or gratuities in lieu of reinstatement and the others accepted the justification of their dismissals and did not find it necessary to pursue the matter further.
- (b) 76 cases were withdrawn at the request of the complainants before the commencement of any enquiry.
- (c) Orders were made in respect of 444 cases—34 for the reinstatement of the complainants, 45 for the payment of compensation to the complainants and 365 for the rejection of the complaints after the enquiries have been made.

SIJIL² KEWARGANEGARAAN— KELAMBATAN MEMPEROSES

25. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar mengenai kelambatan memperoseskan sijil² kewarganegaraan, dan jika ya, apa-kah langkah² yang telah diambil untuk menyegerakan pengeluaran sijil² tersebut.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail): Sa-tahu saya tidak ada kelambatan untuk memperoseskan sijil² kewarganegaraan berlaku kerana sijil² ini di-keluarkan di-Ibu Pejabat Pendaftaran di-Petaling Jaya kepada pemohon² yang telah di-beri kelulusan. Tetapi saya sedar bahawa ada berlaku kelambatan memperoses permohonan² kewarganegaraan itu sendiri sa-belum di-luluskan atau di-tolak. Kelambatan ini berlaku terutama sekali sa-belum tahun 1970 bilamana permohonan² yang di-terima adalah sangat banyak dan Kerajaan mendapati kaki-tangan² yang ada pada masa itu tidak menchukopi untuk memperoses dalam jangka masa yang pendek.

Walau bagaimana pun Kerajaan telah mengambil tindakan menambah bilangan kaki-tangan² terutama sekali di-Ibu Pejabat Pendaftaran di-Petaling Jaya dan pada tahun 1970 dan awal tahun 1971 seramai lebih kurang 106 orang pegawai² dan kaki-tangan² yang lain telah di-ambil untuk membantu pegawai² dan kaki-tangan² yang telah ada bagi memperoseskan permohonan². Soal mengambil kaki-tangan yang lebih banyak bergantung-lah kepada kedudukan perkara ini dari masa ka-samasa.

Selain daripada menambah kaki-tangan² di-Pejabat Pendaftaran, Kementerian juga sedang mengkaji chara² untuk merengskakan chara² memperoses permohonan untuk menjadi warganegara, termasuk menchari jalan untuk memberi ujian bahasa dengan segera kepada pemohon². Sunggoh pun demikian tidak-lah berma'ana bahawa chara² memperoses permohonan yang sedang di-jalankan sekarang ini ada-lah tidak sesuai atau memakan masa tetapi ada-lah di-fikirkan bahawa chara² itu boleh lagi di-pendekkan supaya tenaga dan masa tidak terbuang dengan sia² sahaja.

ORANG² TAHANAN DI-PULAU JEREJAK—KEBIMBANGAN OLEH KELUARGA²

26. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar kebimbangan yang di-alami oleh keluarga² orang² tahanan yang di-tahan di-Pulau Jerejak dan memandangkan kepada keadaan negara kita telah puleh saperti sediakala, samada kes² mereka akan di-kaji semula dengan teliti untuk membebaskan mereka.

Tun Dr Ismail: Orang² tahanan di-Pusat Pemulehan Akhlak, Pulau Jerejak di-tahan selama 2 tahun di-bawah Sekshen 4 (1) Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Menchegah Jenayah) 5/69 oleh kerana mereka di-dapati melakukan kegiatan yang memudharatkan ketenteraman awam. Pada ketika ini kes² mereka sedang di-kaji oleh Kementerian saya mengikut "merit" masing² dengan tujuan untuk:

- (i) di-bebaskan mereka tanpa sharat; atau
- (ii) di-bebaskan dengan bersharat; atau
- (iii) di-lanjutkan perintah tahanan mereka itu.

Saya sedar mengenai kebimbangan keluarga² mereka itu dan ada-lah dasar Kementerian

saya untuk membebaskan sa-saorang tahanan yang mempunyai keluarga serta telah menyambut baik pemulehan yang di-beri kapada-nya walau pun latar belakang-nya burok. Tetapi jika orang tahanan yang berkenaan mempunyai latar belakang yang burok serta "reaction" terhadap pemulehan semasa dalam tahanan, tidak memuaskan, maka perintah tahanan-nya terpaksa-lah di-lanjutkan lagi supaya ia tidak menjadi anchaman kapada ketenteraman awam.

KEMALANGAN² JALANRAYA— SIASATAN

27. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar mengenai bertambah-nya bilangan kemalangan² jalanraya, dan sa-terus-nya menyebabkan kematian² dan kechederaan² yang terok, dan jika ya, nyatakan sama ada Kementerian akan menyiasat perkara ini dan mengambil langkah² yang lebeh berkesan untuk mengurangkan bilangan ini, mithalnya dengan memasang chermin² bulat chengkong di-selekoh² yang tajam untuk membolehkan pemandu² kereta dari kedua² arah melihat lalu-lintas yang datang.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tidak ada tambahan tertentu pada jumlah kemalangan² jalan raya di-tahun² yang lepas. Malahan jumlah kemalangan dari tahun 1967 hingga tahun 1969 telah berkurangan tetapi jumlah kemalangan pada tahun 1970 telah bertambah sedikit. Angka² itu ada-lah saperti berikut:

- 1967—16,815 kemalangan, bertambah sebanyak 0.16% berbanding dengan tahun yang terdahulu.
- 1968—13,859 kemalangan, berkurangan sebanyak 17.6% berbanding dengan tahun yang terdahulu.
- 1969—12,517 kemalangan, berkurangan sebanyak 9.7% berbanding dengan tahun yang terdahulu.
- 1970—12,704 kemalangan, bertambah sebanyak 1.5 berbanding dengan tahun yang terdahulu.

Walau pun jumlah kenderaan² yang berdaftar dari tahun 1955 hingga tahun 1970 telah bertambah lebeh 6 kali ganda, kadar kechederaan bagi tiap² 10,000 kenderaan yang berdaftar telah berkurangan dari 492.4 hingga 96.9 dan kadar kematian bagi tiap² 10,000 kenderaan yang berdaftar telah berkurangan dari 32.6 hingga 8.4.

Majlis Keselamatan Jalan Raya Kementerian saya telah mengambil langkah² untuk mengembangkan kegiatan² kempen-nya bagi mengajar orang ramai keselamatan jalan raya. Ia juga menchari² jalan dan chara untuk menanamkan perasaan kesedaran tentang keselamatan jalan raya di-antara pengguna² jalan raya.

Soal meletakkan chermin lekuk di-selekoh² tajam bagi membolehkan pemandu² di-kedua² belah jalan melihat lalu lintas yang datang dari arah depan itu akan di-ambil perhatian.

TANAMAN KELAPA DI-SARAWAK— RANCHANGAN

28. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada Kerajaan akan memulakan ranchangan tanaman kelapa sachara besar²an terutama sekali di-kawasan² pantai Sarawak.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Hj. Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Ranchangan Menanam Kelapa telah di-mulakan dalam tahun 1959, dan sa-hingga tahun 1970 dalam daerah² pinggir laut Bahagian Pertama dan Kedua sahaja sa-jumlah 50,000 ekar telah di-tanam. Dua Ranchangan perparitan telah di-laksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliayer di-Mid Sadong dan Kabong dan apabila siap kelak akan menyediakan sa-luas 2,420 ekar dan 10,860 ekar kawasan bagi tanaman kelapa. Di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua sa-luas 45,000 ekar lagi akan di-tanam di-bawah Ranchangan Menanam Kelapa yang sebahagian besar-nya ada-lah di-kawasan² pinggir-laut.

MATA PELAJARAN PERTANIAN DI-SARAWAK—AJARAN

29. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta kapada Menteri Pelajaran menyatakan apa-kah langkah² yang telah di-ambil sa-takat ini ia-itu sejak persidangan Parlimen yang baru lalu untuk mengadakan mata² pelajaran pertanian dalam sukatan pelajaran sekolah terutama sa-kali di-Sarawak supaya jenerasi muda bukan sahaja di-galakkan tetapi juga di-lengkapi dengan pengetahuan yang chukup dalam pertanian untuk menjadikan usaha segi pertanian sebagai mata pencharian mereka.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Di-Malaysia Barat, matapelajaran Pertanian telah memang di-ajar sa-bagai satu

matapelajaran pilihan di-Sekolah² Menengah (Rendah), ia-itu dari Tingkatan I hingga Tingkatan III. Matapelajaran ini juga mula di-ajar di-beberapa buah Sekolah Menengah (Atas) untuk membolehkan murid² mengambil-nya sa-bagai satu matapelajaran dalam peperiksaan Malaysia Certificate of Education. Saya tidak hendak menyentoh Sarawak dan Sabah kerana perkara ini ada-lah di-bawah kawalan Kerajaan Negeri masing².

RANCHANGAN PERKHIDMATAN YANG DI-SATUKAN BAGI JABATAN² PERSEKUTUAN— KENAIKAN PANGKAT

30. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa pelaksanaan ranchangan perkhidmatan yang di-satukan bagi Jabatan² Persekutuan yang di-chadangkan itu tidak akan menyekat peluang² kenaikan pangkat Pegawai² Tempatan di-Sarawak.

Perdana Menteri: Kerajaan telah melantek sa-buah Jawatankuasa Khas untuk menyiasat dan membuat laporan bagi Penyatuan Perkhidmatan Awam di-Jabatan² Persekutuan di-Sarawak dan Sabah ka-dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan pada keseluruhannya. Jawatankuasa itu ada-lah terdiri daripada Pegawai² Kerajaan Persekutuan dan Pegawai² Kerajaan Negeri Sarawak dan Negeri Sabah. Jawatankuasa Khas itu sekarang ini sedang menyediakan laporannya yang akan juga termasuk perkara peluang kenaikan pangkat pegawai² tempatan di-Sarawak. Saya fikir lebih elok kita tunggukan dahulu Laporan Jawatankuasa itu. Bagaimana pun seperti yang saya sebutkan tadi pegawai² Kerajaan Negeri² Sabah dan Sarawak ada di-wakili di-dalam Jawatankuasa itu dan saya percaya mereka akan menjaga kepentingan pegawai² tempatan Sabah dan Sarawak.

HARGA BARANG² DI-LUAR BANDAR DI-SARAWAK—SIASATAN

31. Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu jawatan-kuasa Penyiasat untuk menyiasat masalah² orang² di-luar bandar di-Sarawak yang mengalami tindakan menaikkan harga barang² oleh pekedai² yang tidak berhati perut.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Jawapan kepada soalan ini telah saya beri pada 9hb Julai, 1971 tatkala menjawab soalan dari Yang Berhormat Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah.

PERHUBONGAN TALIPON— TIMBANGAN

32. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengadakan perhubungan talipon kepada semua pekan² di-luar bandar dan kampung² yang banyak penduduk-nya untuk membolehkan penduduk² membuat perhubungan segera di-masa² berlaku-nya bah dan perkara² keselamatan.

Tun V. T. Sambanthan: Ada-lah sebagai dasar Kerajaan bagi mengadakan kemudahan² perhubungan kepada pekan² di-luar bandar dan kampung² yang banyak penduduk²-nya. Sa-kurang²-nya perhubungan talipon ada di-balai² polis atau di-pondok² talipon. Kerajaan telah mengadakan berjumlah lebih 1,500 pondok talipon di-luar bandar dan ranchangan bagi menambahkan lagi pondok² ini maseh berjalan. Di-rantau² yang terpenchil seperti di-setengah² tempat di-Sabah dan Sarawak perhubungan sechara radio melalui Perkhidmatan Panggilan Radio (Radio Call Service) dari Pejabat² Pentadbiran boleh di-dapati. Satu daripada ke-rumitan² bagi menjalankan Perkhidmatan Panggilan Radio di-rantau terpenchil ini ia-lah penyenggaraan seteshen² radio itu seperti membetulkan kerosakan-nya dan mengechas batteri dan menjalankan injin² janakuasa.

(Dengan izin) It is the policy of Government to give communication facilities to all rural small towns and villages with a reasonable concentration of people. Telephone communication is at least available from police stations or from rural telephone call offices. The Government has provided more than 1,500 call offices in rural areas and plans to provide more are still going on. In areas which are very remote, as in some places in Sabah and Sarawak, communication by radio through the Radio Call Service from the Administration Offices is available. One of the difficulties in operating the radio call service in these remote areas is the maintenance of the radio stations such as the

repairing of the radio equipment, the charging of the batteries and the running of the engine generators.

PERKHIDMATAN POS DI-SARAWAK— TINDAKAN MEMPERBAIKI

33. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, apa-kah tindakan yang di-ambil bagi memperbaiki perkhidmatan pos di-Sarawak bagi mengelakkan kelambatan yang tidak wajar.

Tun V. T. Sambanthan: Kepantasan penyerahan mel di-dalam Negeri Sarawak ada-lah bergantung kepada sistem² perhubungan yang terdapat di-negeri itu. Negeri Sarawak mempunyai banyak sungai² dan chara pengangkutan ka-kebanyakan kawasan² di-negeri itu hanya-lah dengan menggunakan bot², yang mana kecekapan pergerakan-nya bergantung kepada ada-nya muatan². Perkhidmatan mel udara hanya di-adakan untuk bandar² besar sahaja. Pengiriman mel sechara biasa di-buat kepada tempat² yang mempunyai jalan² dan di-mana ada kemudahan pengangkutan biasa. Di-dalam rangka kemudahan² perhubungan sachara am yang ada sekarang ini, Jabatan Perkhidmatan Pos sedang berbuat apa yang terdaya oleh-nya untuk menyerahkan mel² di-dalam negeri Sarawak dengan pantas.

(*Dengan izin*) The speed of transmission of mail within Sarawak is dependent upon the prevailing communications system therein. Sarawak is geographically dominated by rivers and in many areas access is only possible by boats, the operational efficiency of which is dictated by cargo inducements. Air mail service is only confined to the larger towns. Overland mail despatches are made up to places where there are roads and where land transportation facility is in operation. Within the framework of the general communications facilities available, the Postal Services Department is doing its utmost to ensure the speedy transmission of mail within Sarawak.

RUMAH MURAH DI-KAWASAN² PANTAI/ULU SARAWAK— PEMBENAAN

34. Tuan Edwin Tangkun minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada rumah harga murah dapat di-adakan

kapada penduduk² rumah² panjang dan kampong² di-kawasan pantai Sarawak dan kawasan² Ulu.

Tun Dr Ismail: (*Dengan izin*) The provision of public housing in the State is the responsibility of the State Government under the Constitution. However, if there is a bid for loan funds for public housing schemes in Sarawak to the Ministry of Home Affairs, such bid will be considered in the light of the financial provision entered in the Development Estimates. It is for the State Government initially to consider whether public housing can be provided for residents in long houses and in villages in the coastal and ulu areas of Sarawak. If such housing merits priority consideration, the State Government can either finance such housing from its own funds or submit bids to the Ministry for consideration of loan funds.

PELABOHAN DI-KUALA BARAM— KAJIAN PEMBENAAN

35. Dato' James Wong Kim Min meminta Menteri Pengangkutan menyatakan apa-kah kemajuan yang telah di-buat ka-atas kajian kemungkinan mendirikan pelabohan Kuala Baram semenjak dari meshuarat Parlimen yang lepas.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Telah di-nyatakan dahulu bahawa Seteshen Penyelidikan Wallingford Hydraulics di-United Kingdom sudah menjalankan satu kajian "feasibility" mengenai mendalamkan terusan di-Kuala Baram dengan chara model "hydraulic" dan pendapat-nya seperti dalam laporan-nya bertarikh Mei, 1970 ia-lah bahawa ada-lah "feasible" bagi membuat dan memelihara satu terusan perkapalan merentangi penghalangan "bar" untuk membolehkan kapal² yang berkehendakkan 17 kaki dalam di-waktu ayer surut memasuki sungai itu dengan membuat dua "training wall" yang panjang-nya 4 batu ka-arau laut dari Kuala Sungai Baram. Laporan itu juga menyokong bahawa model "hydraulic" yang di-gunakan hendak-lah di-perluaskan lagi untuk menentukan keadaan² "hydraulic" baru yang akan terjadi akibat dari pendalaman terusan itu. Shor² ini ada-lah dalam kajian sekarang ini dengan tujuan untuk mendapat perkhidmatan² pakar² perunding untuk membuat kajian yang lebih dalam.

TERMINAL AIRPORT KUCHING— PEMBENAAN

36. Tuan Bojeng bin Andot minta Menteri Pengangkutan menyatakan bila-kah terminal airport Kuching akan di-bena, memandangkan bertambah-nya pelawat² dari luar negeri datang melawat Sarawak.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Kerajaan telah pun meluluskan pada dasar-nya pembenaan bangunan terminal yang baru di-Kuching tetapi perkara ini ada-lah terlibat dalam Kajian Keseluruhan (Master Plan Study) bagi lapangan terbang Kuching. Hasil kajian itu di-jangka akan di-dapati dalam bulan Disember, 1971. Sa-telah mendapat hasil kajian itu maka besar-lah kemungkinan memastikan tarikh benaan terminal itu.

LAPORAN GAJI SUFFIAN

Pengumuman untok Sarawak dan Sabah

37. Tuan Bojeng bin Andot minta Perdana Menteri menyatakan, dapat-kah shor² gaji Suffian yang di-kemukakan oleh kedua² buah Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah itu dipercepatkan pengumuman-nya supaya menyenangkan hati pegawai² Kerajaan.

Perdana Menteri: Laporan Surohanjaya Gaji Suffian itu telah pun di-chetak dan dijual kepada orang ramai. Berkenaan dengan pegawai² Kerajaan Sabah dan Sarawak, pelaksanaan shor² gaji Suffian itu telah tergendala oleh sebab Kerajaan Sabah dan Sarawak telah membuat beberapa chadangan balas (counter proposals) kepada sa-tengah² perkara yang di-perakukan oleh Surohanjaya Gaji itu dan juga keputusan Kerajaan Persekutuan. Perakuan² ini sedang di-rundingkan di-antara wakil² Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan² Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

RANG UNDANG² DI-BAWA KA-DALAM MESHUARAT

RANG UNDANG² PERBADANAN KEMAJUAN PELANCHONGAN MALAYSIA

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi menubuhkan satu Perbadanan Kemajuan Pelanchongan Malaysia dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara² yang bersangkut dengan-nya di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; di-bachakan kali yang pertama; akan di-

bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² LALU-LINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang² bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Lalu-lintas Jalan, 1958 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

RANG UNDANG² IMIGERESEN (PINDAAN)

Rang Undang² bernama an Act to amend the Immigration Ordinance, 1959 di-bawa ka-dalam Meshuarat oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; di-bachakan kali yang pertama; akan di-bachakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Meshuarat kali ini.

USUL

RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA 1971-1975

Menyambong sa-mula Perbahathan atas Masaalah:

Bahawa Dewan ini dengan sepenoh²-nya *menyokong* Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan yang bertujuan pertama-nya, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan kedua-nya menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, *meluluskan* Rancangan Malaysia Kedua yang di-bentok khusus-nya bagi menchapai tujuan² ini melalui pelaksanaan dasar² dan ranchangan² pembangunan saperti yang di-sebutkan di-dalam Kertas Perintah No. 28 tahun 1971, dan *menyeru* kepada semua ra'ayat Malaysia supaya memberi segala usaha dan keazaman mereka dengan semangat Rukunegara kepada pembentokan satu masyarakat yang adil lagi saksama serta bersatu padu dan progresif. (15hb Julai, 1971).

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: (Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali dalam 15 minit lagi?

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Setar Selatan): Boleh. Tuan Yang di-Pertua, menyambong perbahathan saya, apa yang di-maksudkan dengan DOP ia-lah Pegawai²

Daerah yang mungkin mendapat tauliah daripada Parti Kerajaan, mereka ini sama sekali ada-lah lain daripada tuan² DO, Pegawai² MAS dan M.C.S.

DO² ini, Tuan Yang di-Pertua, berlagak demikian rupa sa-hingga menimbulkan kere-takan di-dalam masharakat kampung oleh sebab salah mengerti tentang apa yang di-katakan oleh pemimpin² atasan mereka, "bahawa parti itu-lah Kerajaan dan Kerajaan itu-lah parti". Lalu mereka membuat da'ayah² burok seperti tiap² permohonan tanah atau sa-umpama-nya mesti-lah menjadi Ahli Perikatan, UMNO khusus-nya agar permohonan mereka itu mendapat layanan yang sa-wajar-nya sa-hingga sudah lumrah-lah kata², "masuk-lah UMNO", dia boleh dapat apa yang dia mahu, maka tidak-kah ini di-nama-kan korupsi politik, Tuan Yang di-Pertua? Entah-lah. Jika yang demikian itu pun satu bahagian daripada revolusi mental yang di-kehendaki oleh Perikatan.

Jadi jika demikian-lah layanan yang tidak jujur daripada DOP² itu maka dengan nila sa-titek rosak-lah susu sa-belanga dan sa-wajar-nya-lah pemimpin² atasan Perikatan menrevolusi mentalkan DOP² mereka itu demi untuk kelancaran dan mendapatkan sokongan kuat dan patoh daripada tiap² orang ra'ayat jelata sa-bagaimana yang di-harap sunggoh² oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, membacha keseluruhan-nya Buku Merah ini sunggoh meng-gembirakan. Dia menggambarkan betapa banyak sa-kali usaha² Kerajaan untuk menchapai matlamat yang kedua ia-itu bertujuan untuk menunjokkan satu masharakat Melayu dan bumiputera yang lain dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang maju dan dinamis—bravo, shabas. Kamu: hai orang² Perikatan!

Akan tetapi kita maseh ragu² sama ada ini boleh terchapai dengan ujud-nya beberapa faktor² penghalang: satu daripada-nya sudah-lah di-bangkitkan oleh saudara kita Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam berkenaan dengan C.I.C.—Jawatankuasa Pelaburan Modal yang maseh menchongkol di-dalam straktor Kerajaan dan betapa tidak logik-nya jika C.I.C. itu di-biarkan hidup sa-sudah hapus-nya dharurat sekarang ini.

Faktor yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang penting-nya menjadi penghalang ia-lah dasar ekonomi yang bebas yang di-

Again, I emphasise: this applies equally both to Malays and non-Malays for equally good reasons. For the quoted objectives of the Plan to succeed calls for the following. Firstly, a thorough understanding of each and every detail set out in this historical document—this very red book on the Second Malaysia Plan—an understanding not only by the politicians, but by each and everyone who is concerned directly or indirectly with the implementation of the Plan, and in particular the administration in this country, or the executive. Secondly, a thorough readjustment of attitudes, and such readjustment must transcend all political, racial, religious and personal feelings and prejudices. In short, objective thinking must be the only approach, keyed and geared on the golden words of Tun Razak—"eradicating poverty, irrespective of race, and restructuring Malaysian society, eventually to eliminate the identification of race with economic function."

Untuk memahami ranchangan itu memerlukan pemikiran yang pintar bukan hanya melalui perangkaan yang kadang² boleh mengelirukan bergantung sa-mata² kapada penafsir perangkaan itu, tetapi juga sa-tahun

memerhati apa yang berlaku, bebas sapenoh-nya daripada pemikiran yang subjective. Lagi dalam memperbetulkan ketidak saimbangan ini, ada-lah juga sama mustahak bahawa dalam proses pembetulan itu ketakutan di-antara kaum dan kechurigaan usahalah di-timbulkan untuk memberatkan keadaan ini. Umpama-nya, and I quote this in English. For example, again "in redressing the imbalances, it is equally important that in the process of such redressing, further inter-racial fear and suspicion should not be created to further aggravate the situation." In other words, we must not in redressing one imbalance create another imbalance. For example, hypothetically speaking, the increasing recruitment of non-Malays into those sectors of employment in Government hitherto predominated by Malays should be in gradual stages as much as recruitment of Malays into those sectors of employment hitherto predominated by non-Malays must not be carried out in a manner which may create a sense of deprivation and loss of hope for the future. As much as action to redress the imbalance must be taken boldly, such boldness must be tempered with reasonableness. Here again I quote the words of the Right Honourable the Prime Minister, "so that no one will experience any loss or feel any sense of deprivation of his rights, privileges, income, job or opportunity." This paramount consideration must permeate through each and every stage of the implementation of the Plan; otherwise that common endeavour, acquiescence and whole-hearted support of the people so necessary for the Plan to succeed, may not be forthcoming.

On the question of attitudes, a good move to ensure the achievement of the objectives of the Plan would be for the politicians to swap places, in the sense that Malay politicians should speak up for the non-Malays and vice-versa. For reason that in such a process, a non-Malay politician will better understand the grievances and frustration of the Malays,—genuine, apparent or otherwise—and by the same token, a Malay politician, those of the non-Malays. National survival through national unity is too high a stake to be used for playing up to the gallery. It would be a new day in this House, and a new era outside this House in this country, in future political campaigns, if we can hear a Malay politician championing the rights of the non-Malays, and a non-Malay politician championing the rights of the Malays. When

that stage of sophistication and maturity of political thinking is reached, we would then see the dawn of the day of a truly united Malaysia. What Malaysia today needs are not political parties, hypocritically professing as multi-racial parties as a mere facade, while truly and faithfully pursuing a path of racial politics. It is hardly necessary for me to pinpoint such political parties. The swapping of places by politicians as earlier stated, does not deprive them entirely of opportunities to present the case of Malaysians of racial origins similar to them, in that there is now in existence the National Unity Council, where they can truly and genuinely present the case—a Malay politician for the Malays, and non-Malay politician for the non-Malays. In this particular forum, the approach is objective, genuine and sincere, completely devoid of any motivation and in particular, an eye on the electorate.

What we have today is in fact a reversal, particularly with regard to the Opposition Parties who appear to be particularly articulate in and outside this House, and we can see the reason therefore by a casual glance at the back, at the Press gallery, while on the other hand in a proper forum specially geared for this purpose, they are either inarticulate or, in one particular instance, deliberately abstaining from participation, and I refer to the former National Consultative Council, in which the DAP refused to participate.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, the success of this Plan relies heavily on the "conscience, experience and wisdom" (again borrowing the words of our Honourable Prime Minister), of every member of the Legislature and the Executive in particular, and the man in the street in general. Neither the situation such as the one confronting us in this nation today, nor the solution now before this House to solve the situation, as contained in the Plan, has any precedent at all. It is indeed unique, and will live down in the annals of the history of the world, if we succeed. The eyes of the world will be upon us for the next five years. The people of Malaysia have good reasons to be grateful to the architects of the Plan, and in particular to our National Leader, Tun Razak himself, whose foresight, experience and idea have germinated this Plan, to enable the whole nation to meet the challenge of our time, in order to forge ultimately towards a strong and truly united Malaysian nation, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

(Usul)

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat pada 5hb Julai, 1971, berkenaan dengan waktu persidangan, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat pada 5hb Julai, 1971, berkenaan dengan waktu persidangan, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (*Dengan izin*) The scope and magnitude of the Second Malaysia Plan is indeed very impressive. It is a complex compilation of honest hopes for the future based on subjective evaluation of past performances, sometimes relying on inaccurate domestic data. In terms of work to be undertaken and to find new financial resources, it is an ambitious Plan. Often this Plan seems extremely sound on paper, and by the end of the period there is still a gap between promise and performance. The short falls relating to targets are neatly and expertly tucked away somewhere and varnished over by some economic jargon. Although I intend to dwell on the labour aspects of the Plan, permit me, Sir, to make a few general observations on the Plan.

The Plan, as described in the words of the Honourable Prime Minister, is a blueprint for the New Economic Policy. The twin pillars of this policy, we are told, is eradicating poverty, irrespective of race, and restructuring Malaysian society, to reduce and eventually eliminate poverty. This is, indeed, a laudable objective and every citizen must strive towards achieving these goals. But as enunciated in detail of the Plan, it somehow leaves certain doubts and misgivings as to the *modus operandi* of the Government to

realise these goals. Both in retrospect and in perspective, the emphasis of the New Economic Policy denotes the rejection of the past economic policy. If not a total condemnation of those policies, it at least amounts to a pathetic admission of incompetence of the Alliance Government in the past 12 years. It is also a sad commentary of our times, that the people of this country had endured this Government for more than a decade, and finally they showed their resentment and disapproval of the policy pursued by the Government in the last general election. It has taken the Government this shattering blow at the polls and the resultant race riots, to sit down and take stock of the failures and then evolve this new economic policy. Sir, this Second Malaysia Plan incorporates this New Economic Policy. Members on this side of the House in the previous Parliament had persistently criticised such policies and offered constructive suggestions which were derisively spurned. Now the Plan enunciates ideas that were earlier expressed by Members of the Opposition.

When I said earlier that the Plan leaves some confusion in the minds of the readers, I might have added also that it has some contradictions with in it. The Honourable Prime Minister in his Foreword to the Plan talks of eradicating poverty irrespective of race. But one would get the impression that the word "irrespective of race" is added after an after thought, which does not seem to convey any credibility upon close scrutiny. Chapter III very explicitly spells out the nature of the economic imbalance between the Malays and the non-Malays. We would have expected that the new economic policy would attack the problems of poverty of the economically under-privileged, mostly rural Malays, and the economically less-privileged among all races as an economic problem and not as an ethnic problem.

Paragraph 135 has set target for the Malays to own 30% of the total commercial and industrial activities in all categories within the next two decades. It is also envisaged that there will be changes in the employment pattern at all levels to reflect the population racial composition. In welcoming this principle, will the Government tell us whether such ratio is practised or will be practised in all places of employment including the public sector. These are some of the contradictions

I have referred to earlier: that the prescribed cure for our economic ills should not be more malignant than the disease itself.

Now, Sir, I would like to touch briefly on employment and manpower objectives and strategies. In the First Malaysia Plan, there were several reference to incomplete, imperfect and inadequate statistical information. One would have expected these serious defects to be rectified by the Second Plan. Unfortunately, it is very much the same story as admitted in Paragraph 278 of Chapter 7. The First Malaysia Plan estimated for West Malaysia a total labour force of 2,678,000 in 1965 with an unemployment rate of 6%, and the target was to create 38,000 new jobs, thus bringing down the unemployment rate to 5.2% in 1970. However, in January, 1969, the Mid-term Review of the First Plan was published with the sadly admitted inability to meet the target set.

Sir, now with your permission I will quote from the Mid-term Review, Paragraph 54: "All over it does not appear that the employment target of the Plan for the period under review was achieved. As a result, unemployment remained a serious problem, especially in the major towns among youth and women of all ages. In the next two to three years, the problem is likely to be exacerbated following the withdrawal by Britain of her military forces in this area. This will affect about 30,000 Malaysians employed by the British Forces."

Sir, that is the nature of our employment and unemployment projections contained in our last Plan. It is peculiar that in 1964, the recruitment for 3,500 vacancies in the Government departments was filled only by 70%, and 5,000 teaching jobs were unfilled or partly filled with underqualified teachers. There is some very strange undercurrents beneath the surface of the employment policy that make it difficult for us to determine the employment pattern. Perhaps political considerations prevent accurate statistical compilation. At the end of the First Plan, there was a backlog of 110,000 unemployed to which was added another 160,000 new entrants to the labour market, thus bringing a total of 275,000 at the beginning of the Second Plan. Within the Second Plan period, there will be a further addition of 640,000 job-seekers. The Plan has fixed a target of employment for 560,000. So by the end of the Second Plan, we will still be left with 334,000 unemployed. And now

we are told that the present unemployment rate is 8% which the First Plan promised to bring down to 5.2%. I understand that the rate of unemployment is somewhat near 10% if one included the new group labelled as specifically unemployed. This being the employment prospect, it will be difficult even for the Minister of Labour and Manpower to present a rosy picture for the immediate future. So when we use high-sounding social economic terms as the "restructuring of society", we must certainly take into account the above-mentioned unfavourable factors, particularly when this new structuring is linked with cliches such as "redistributions of income."

Now, it will be pertinent to ask whether any attempt has been made to provide a frequency distribution of income. That is to ask, what is the size of the population that come under various income strata? It is claimed that the per capita earning at present stands at \$1,080. This is derived, we presume, from an arithmetic average and not the mode average. How many Malaysians do really come under this \$1,080 range? It is envisaged that by the end of the Second Plan the per capita would have gone up to \$1,300.

What proportion of the population will really achieve this and what are the targets for the re-distribution of income anyway? The Plan has failed to tell us this. Perhaps, the Prime Minister or the Minister of Finance will be able to enlighten this House on these points.

The Plan also underlines the serious dearth of highly qualified professionals, sub-professionals, skilled and semi-skilled manpower needed to implement the objectives. The Government certainly must have taken cognizance of the steady emigration of the professional and sub-professional personnel to other parts of the world where their expertise is in demand and welcome and where the promotional prospects also seem better. While the National Language is of paramount importance, particularly for the younger and future generations, it should not be used as a cudgel to drive away highly qualified and talented Malaysians to other pastures.

We note with satisfaction the proposals of intensifying development in the agricultural sector which will prevent the drift of rural labour into the cities, thereby aggravating

social problems. Agricultural development can only offer the immediate cushioning effect to rural unemployment problems.

We also note that in the past the industrial sector has shown a bias towards techniques and equipment that eat up a lot of capital. It is fashionable to go for highly sophisticated, labour-saving, turn-key projects. Foreign investors like to adopt the path of least resistance, which means they like to duplicate systems of manufacture and construction adopted in their countries that are capital-intensive and avoid greater labour intakes.

The Honourable Prime Minister has also said that Malaysia needs something more than a high rate of economic growth. "We need to ensure at the same time that there is social justice, equitable sharing of income growth and increasing the opportunities for employment", he said. These are very noble and laudable sentiments. But may we ask, why is it that when we utter the same sentiments from trade union platforms, we are taken to task?

Mr Speaker, Sir, social justice like poverty does not recognise barriers of race, religion or colour. The Prime Minister has called on all of us to shoulder our responsibilities. We are prepared to do that if only we are permitted to do so. We cannot do what is asked when the worker's mouth is gagged and his hands are tied and is rendered helpless to the extent that some unscrupulous employers will be allowed to crack the whip.

We like to see the implementation of this Plan as we believe it will benefit the majority of the citizens. But the workers must be made to feel that they are an integral part of this grand strategy and plan. That is all we ask for. Thank you, Sir.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussein (Lipis): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sa-penoh hati atas Ranchangan Malaysia Yang Kedua yang telah di-uchapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan ini beberapa hari dahulu. Ranchangan ini mempunyai dua matlamat: langkah pembangunan terkandung dalam dasar ekonomi baharu untuk menambah peluang pendapatan dan pekerjaan di-dalam semua ra'ayat dengan tidak mengira kaum dan tujuan-nya untuk membasmi kemiskinan dan kedua-nya untuk menyokong sa-mula

satu masyarakat Malaysia bagi kebaikan ekonomi yang tidak sa-imbang di-antara kaum.

Memandang kepada hakikat dan tujuan matlamat ranchangan ini, Tuan Yang di-Pertua, nyata-lah satu ranchangan yang besar yang telah di-ator begitu rapi dan melibatkan belanja yang besar hampir² memakan \$15,000 juta, berbagai strategi telah di-rangka untuk membawa chorak² baharu di-dalam pembangunan negara kita dalam ranchangan ini dan boleh di-anggap satu ranchangan yang paling besar yang berlainan chorak-nya dari dahulu bahkan Yang Amat Berhormat Tun sendiri mengakui dalam masa membentangkan Usul ini bahawa Ranchangan Malaysia Kedua ini bukan-lah sa-mata² ranchangan lima tahun yang menyambong ranchangan yang sudah² tetapi melangkah-nya Malaysia ka-aman zaman baharu bukan sahaja menjamin kemajuan dan kema'amoran malah akan melibatkan untong nasib negara pada masa hadapan.

Pada keseluruhan-nya strategi pembangunan yang baharu ini memerlukan usaha² yang sunggoh² dari Kerajaan dan sokongan bulat dari ra'ayat, dalam pada itu pun kerjasama yang erat dari badan swasta, parti² politik, Dewan Perniagaan, Persatuan Pengilang, Kesatuan² Sekerja, majikan dan akhbar juga lembaga berkanun ada-lah amat perlu memberikan sa-penoh kerjasama mengambil peranan masing² dalam memahami tujuan hasrat ranchangan ini di-lancharkan. Bagi Kerajaan juga perlu-lah dari sekarang ini mengkaji dengan teliti segala alat dan kelengkapan di-mana kurang perlu di-baiki dan di-tambah supaya Kerajaan tidak menepoh jalan yang menyulitkan dalam masa pelancharan itu di-lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka kita harus mengingatkan kepada pendahuluan kata Perdana Menteri dalam Buku Merah ini:

Ranchangan ini mesti di-jayakan kerana ini amat-lah penting kepada usaha mengekalkan sa-buah negara yang progresif, aman dan bersatu padu. Ini-lah satu chabaran yang kita mesti hadapi, satu peluang yang kita mesti rasai, dan satu tanggung-jawab yang kita mesti pikul bersama. Ia-nya memerlukan dari kita semua satu usaha yang penoh keazaman,

semangat yang jujur, berdisiplin, pengorbanan dan berdikari untuk menjayakan matlamat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya yang chetek ini dalam usaha kita menjayakan ranchangan ini, perlu-lah kita mengkaji balek menyesuaikan-aleh mana² dasar kita, dasar Kementerian yang tidak sesuai dengan zaman pembangunan. Dalam dasar ekonomi baharu yang membawa perusahaan² kawasan luar bandar dengan tujuan-nya membandarkan kawasan luar bandar, maka pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Letrik Negara ada-lah menjadi satu alat yang sangat di-pentingkan dalam masa ranchangan ini hendak di-usahakan.

Ranchangan negara kita yang kita lancharkan ini ia-lah membawa perusahaan² keluar bandar, sedangkan tenaga letrik-lah satu alat yang lebeh berkesan sa-kali dan menolongkan melancharkan kejayaan ranchangan itu. Kalau sa-kira-nya dasar hari ini yang ada pada Lembaga Letrik Negara kita, dasar yang memerlukan keuntongan lebeh daripada kebajikan, dasar kepentingan perdagangan lebeh daripada dasar negara, saya fikir kita akan menghadapi perkara yang menyulitkan negara kita dalam masa ranchangan ini di-jalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar Lembaga Letrik Negara sekarang ini sudah menjadi buah mulut, sudah menjadi perchakapan umum bukan sahaja di-dalam dan di-luar tetapi juga di-merata kampung dan tempat. Dengan izin Tuan saya suka hendak menyebutkan sedikit sa-bagai hujjah saya di-dalam perbahathan pada petang ini: "Polisi LLN bertentangan dengan dasar— Hormat Rafie". Dengan izin Tuan saya bachakan sabahagian daripada ulasan-nya.

"Enche' Hormat Rafie, Perikatan Telok Datok, hari ini menudoh Lembaga Letrik Negara menjalankan polisi yang bertenangan dengan Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan. Beliau lalu menyebutkan peruntukan hanya sa-banyak \$2.5 juta bagi bekalan letrik di-seluruh negeri Selangor dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua sedangkan negeri ini memerlukan peruntukan berjumlah \$12 juta. Dengan peruntukan sa-banyak sa-tengah juta ringgit sa-tahun ia-nya hanya menchukopi bagi membekalkan letrik di-kilang² dan perusahaan² di-dalam kawasan bandar sahaja. Beliau menambah, dengan peruntukan sa-

bagini kechil maka hanya pada tahun ke-2,000 kelak baharu-lah negeri Selangor akan mendapat bekalan letrik yang chukopi."

Tuan Yang di-Pertua, sama ada ucapan Enche' Hormat Rafie ini boleh di-perhe-tongkan ada-lah soal lain, tetapi apa yang saya kemukakan, Dato' Yang di-Pertua, dalam Malaysia Plan yang di-sebutkan di-dalam Buku Merah ini ia-itu pada muka 239 telah menyebutkan:

Ranchangan bagi pembekalan letrik luar bandar ia-lah satu ranchangan yang penting dalam strateji pembangunan pada keselurohan-nya bagi memperchepatkan kegiatan di-luar bandar. Peruntukan sabanyak \$20 juta telah di-buat oleh LLN bagi tujuan ini. Sa-lain dari itu, Kerajaan² Persekutuan dan Negeri akan menambah lagi peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada negeri yang mempunyai wang, pada negeri yang mempunyai keadaan yang stabel, peruntukan akan di-buat, apa hal-nya pada negeri² yang kita tahu di-Malaysia Barat sekarang ini kekurangan wang yang sentiasa berharap bantuan daripada Kerajaan Pusat?

Tuan Yang di-Pertua, yang paling aneh kapada kita pertimbangan \$1.5 juta sahaja, di-untokkan bagi seluruh di-negeri Sarawak dalam bekalan letrik luar bandar \$20 juta ini di-peruntukan bagi letrik luar bandar bagi di-negeri² di-Malaysia Barat. Pada hitong panjang \$1.8 juta, yang kita tahu sekarang ini hasrat Kerajaan hendak membawa perusahaan keluar bandar menjadikan luar bandar kawasan perbandaran yang boleh mengeluarkan hasil, indasteri dan sa-bagai-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Lembaga Letrik ini harus di-kaji sa-mula. Dunia ini sudah mengaku, dan ahli² ekonomi semuanya mengaku, ahli sains dan teknologi mengaku bahawa letrik ada-lah satu alat yang menguasai kehidupan manusia. Alat yang mengubah chara ra'ayat berfikir. Alat yang mengubah kehidupan masharakat dalam sa-buah negara. Ada-kah LLN sanggup mengambil peranan mengubah keadaan ra'ayat hidup luar bandar. Ini yang kita persoalkan. Pada tahun 1974, Tuan Yang di-Pertua, sambongan saloran letrik akan sampai ka-Pantai Timor, ka-Kuantan. Dan sa-buah kawasan, Kawasan Jengka Tiga Segi atau lebeh terkenal Jengka Triangle pada tahun 1982 kalau keadaan sesuai,

kalau keadaan mengikut susunan dan keadaan yang tertentu dapat di-jalankan, usaha² menempatkan penduduk di-kawasan ini akan mencapai sa-banyak 130,000 orang, tetapi hingga hari ini LLN tidak ada kemampuan dan tidak akan melibatkan dirinya dalam ranchangan ini.

Saya memberi bukti, Tuan Yang di-Pertua, dalam surat yang saya terima daripada Lembaga Letrik sendiri. Dengan izin, Tuan, saya bachakan sa-bahagian daripada isi surat ini, surat Lembaga Letrik Negara: CPE/9/3/68/14, bertarikh 29hb Jun, 1971, di-antara lain perkara yang saya bangkitkan dalam Dewan ini ia-lah seperti yang telah di-tegaskan dalam surat saya CPE 9/3/68/12 bertarikh 2hb Februari, 1971 itu, saya suka mengulangi bahawa Lembaga Letrik Negara tidak akan terlibat dalam bekalan letrik di-Kawasan Jengka buat masa sekarang. Apa-kah ma'ana-nya ranchangan ini di-lancarkan, Tuan Yang di-Pertua, jika-lau Lembaga Letrik sendiri tidak terlibat dalam keadaan ini, sedang tujuan dan hasrat yang sa-benar-nya hendak menjadikan kawasan luar bandar ini kawasan perbandaran, kawasan indasteri. 130,000 penduduk akan dudok di-kawasan Jengka Triangle ini dalam tempoh 8 tahun akan datang. Kita menjadikan Jengka Triangle ini sa-bagai satu perkampong permodenan bagi chontoh pada ra'ayat di-Malaysia ini, dengan kita mengadakan kawasan² perusahaan² di-dalam-nya. Kalau letrik tidak ada di-mana usaha ini boleh di-lakukan.

Ini-lah saya, bangkitkan dalam Dewan ini. Saya mohon pada Kerajaan, pada Menteri yang berkenaan bagi mengulangkaji sa-mula LLN ini bagi keselurohan-nya. Bagi pehak LLN akan menjawab bahawa kami meminjam wang daripada Bank Dunia, kami di-kenakan sunggoh ketat pinjaman ini. Ini sa-bagai satu daripada alasan-nya. Tidak ada satu Badan Berkanun yang paling kaya dalam Malaysia ini sa-lain daripada LLN. Mengapa LLN tidak boleh menghulorkan sedikit sa-banyak perasaan pembangunan dalam negeri ini. Tuan Yang di-Pertua, tentu bersetuju dengan saya \$20 juta untuk bekalan letrik dalam Ranchangan Lima Tahun kita hanya \$1.5 juta atau \$1.8 juta sahaja yang akan dapat pada tiap² negeri. Bagaimana ra'ayat boleh menyambut keadaan pembangunan ini jika Lembaga Letrik sendiri tidak boleh menunjukkan sempathi yang lebih kepada Ranchangan pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mewakili Kelantan, tetapi saya bersempathi dengan Kelantan. Pada tahun 1974 api sambongan yang di-bawa dari Port Dickson akan sampai di-Kuantan, tetapi belum tahu bila masa-nya akan sampai ka-Kota Bharu, ka-Kelantan seluroh-nya. Jadi kemundoran Pantai Timor akan kelak berlanjutan kalau sa-kira-nya LLN ini tidak mengubah chara berfikir, pendirian-nya dalam semangat pembangunan yang ada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah saya sambong sedikit lagi kepada rangka yang lain. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan ranchangan kita sekarang ini dua Kementerian yang mengambil bahagian utama, yang paling penting sa-kali ia-lah Jabatan Kerja Raya. Ada jalan, masuk api, buat perusahaan. Buka jalan, baharu boleh di-buka tanah dan kita masukkan berapa banyak pemuda², orang² yang tidak mempunyai tanah dalam ranchangan itu. Jadi hakikat-nya J.K.R. mengambil peranan yang kedua besar dalam ranchangan pembangunan ini. Dalam peruntukan jalan raya di-luar² bandar muka surat 215—naskhah Melayu. Jalan² luar² bandar ia-lah \$47.1 juta, tetapi Jalan² dalam Bandar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya \$40.0 juta. \$40.0 juta bagi Jalan² Bandar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya, tetapi \$47.1 juta bagi Jalan² luar² bandar. Ada-kah ini adil? Bagaimana-kah pembahagian ini di-lakukan. Tuan Yang di-Pertua, hasrat kita ia-lah memperbandarkan di-luar bandar supaya ra'ayat di-luar bandar merasai nikmat sa-bagaimana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ucapkan pada mula mukaddimah-nya: Mari-lah kita sama² merasai, ia-itu satu peluang yang kita mesti rasai—rasai di-sini ia-lah rasai bersama ra'ayat di-luar bandar dan dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu saya sendiri tidak nampak mengapa mustahak Kerajaan hendak membaharui jalan Karak-Kuala Lumpur, sedangkan jalan yang ada sekarang ini sudah ada dari Kuala Lumpur-Karak melalui simpang-nya di-Teranum. Mengapa kita mahu habiskan lebih banyak lagi wang dalam ranchangan ini sa-banyak \$20 juta, ada-kah jalan baharu akan di-buat atau jalan lama akan di-perbaiki kerana sini amat umum, Tuan Yang di-Pertua. Kalau jalan baharu daripada Kuala Lumpur-Karak di-perbuat, maka nasib bandar Bentong akan terlibat

sama, apa yang telah berlaku pada Bandar Kuala Lipis. Jadi dalam masa kita melakukan ranchangan ini ada gulungan akan meleleh ayer mata-nya dan satu gulungan lagi akan bersuka.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Jalan Kuala Lumpur-Karak ini, dengan jalan yang ada hari ini kita baiki, di-pertambah, di-perelok, meluruskan jalan yang ada ini daripada di-buat jalan baharu. Hanya tidak banyak, batu-nya yang lebeh untong, pada hemat saya chuma 17 batu atau 18 batu sahaja terlebeh chepat-nya daripada jalan yang ada sekarang ini. Kalau jalan yang ada sekarang ini kita perbaiki lebeh baik daripada Kuala Lumpur-Karak daripada Kuala Lumpur ka-Simpang Karak, kita akan dapat lagi menaikkan imej pelawat² dari luar negeri dengan terbuka-nya Genting Highlands. Kita dapat menghidupkan lagi perkara² yang lain yang boleh pelancong luar negeri yang pada hari ini sangat gemar dan suka melawat Genting Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu yang saya merayu pada Kerajaan supaya menimbang-kan . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan masa telah sampai. Pendek-kan satu dua minit lagi boleh.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Terima kaseh. Saya akan menghabiskan lebeh chepat sa-belum daripada yang di-kehendaki. Tuan Yang di-Pertua, dalam ranchangan ini ada satu jalan lagi yang paling mustahak di-bukakan, ia-itu jalan dari Gua Musang ka-Kuala Lipis. Kita telah buat jalan satu, jalan dua, jalan tiga. Jalan satu, jalan Pantai Barat, jalan dua, Jalan Segamat. Mengapa kita tidak masok-kan dalam ranchangan ini jalan daripada Gua Musang ka-Kuala Lipis. Jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau di-buka ber-puluh² ribu tanah yang boleh kita buka, hanya menanti sahaja pembukaan jalan. Saya merayu kepada Kerajaan supaya di-masokkan dalam ranchangan ini kalau dapat sa-lepas daripada jalan yang pertama, jalan kedua, Tuan Yang di-Pertua. Saya meng-ucapkan terima kaseh.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Sa-bagai mematohi arahan Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang

singkat sahaja dan menyentoh perkara² yang belum lagi di-sentuh oleh rakan² saya dalam Dewan ini.

Pertama saya mengambil peluang ber-sama² rakan² saya dalam Dewan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia, tegas-nya Kerajaan Perikatan yang di-bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, yang dapat mengemuka-kan satu Ranchangan Malaysia Kedua sa-bagai menyambong ranchangan² pembangunan yang telah di-lancharkan semenjak kita mencapai kemerdekaan lagi; di-samping mengemukakan ranchangan² baharu untuk lima tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun Ran-changan Malaysia Kedua ini sa-bagai lanjutan ranchangan pembangunan yang telah lalu, tetapi ranchangan ini merupakan satu peringkat penting dalam ranchangan yang panjang untuk mencapai penukaran bentok masharakat, dari segi pengeluaran, pembahagian, yang akan membawa kepada pembahagian yang lebeh saksama, sa-bagaimana yang telah di-jelaskan dalam pendahuluan Buku Merah yang di-hadapan kita. Dan satu keistimewaan yang ada pada ranchangan ini ia-lah ia di-bentok dan di-susun dengan tujuan utama untuk mem-bentok perpaduan negara. Saya mempunyai keyakinan penoh bahawa tiap² sa-orang yang ingin melihat kehidupan dan ke-harmonian hidup ra'ayat negara ini, tidak ragu² memberi sokongan penoh terhadap ranchangan ini dan kejayaan ranchangan ini bukan sahaja bergantung kepada Kerajaan, tetapi bergantung di-atas peranan yang di-mainkan oleh badan² awam, swasta dan tiap² sa-orang dari semua peringkat dan gulungan ra'ayat di-Malaysia ini. Oleh sebab itu, sa-bagai langkah untuk menjamin kejayaan-nya, matlamat ranchangan ini hendak-lah di-sebarkan dengan sa-luas²-nya di-kalangan ra'ayat supaya sokongan mereka terhadap ranchangan ini, di-dorongan oleh kesedaran mereka dan rasa tanggung-jawab dan tulus ikhlas hendak-lah di-amalkan oleh tiap² orang yang melaksanakan ranchangan ini. Dengan chara ini dapat-lah di-jamin kejayaan-nya dan hasrat Kerajaan untuk kemewahan ra'ayat dan kema'moran negara akan terchapai.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya katakan tadi, untuk menjamin kejayaan-nya di-samping melaksanakan

ranchangan ini, gerakan penerangan sama ada di-bandar, di-kampung, di-kawasan pendalaman hendak-lah di-lancarkan sarentak supaya motif dan tujuan ranchangan ini di-fahami benar² oleh ra'ayat. Barisan penerangan hendak-lah menduduki tempat yang pertama dalam barisan hadapan sa-kali dalam masa kita melancarkan ranchangan ini, kerana pada masa ini soal dasar ekonomi baharu, Rukunegara dan matlamat serta tujuan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini maseh kabor dan tidak begitu di-fahami oleh sa-bahagian besar ra'ayat negeri ini. Untuk melaksanakan soal ini kaki-tangan penerangan yang ada tentu-lah tidak men-chukopi, lebeh² lagi peruntukan perjalanan mereka terhad bagi satu² bulan, oleh itu saya mengeshorkan supaya Kementerian Penerangan dapat menganjorkan kursus² kepada Penghulu², Pegawai² Penerangan Ugama Negeri, Penyelia² dan Guru² Kelas Kemajuan Masharakat khas-nya supaya dapat di-lanjutkan penerangan ini, mengenai dasar ekonomi baharu, Rukunegara dan Ranchangan Malaysia Kedua ka-kampung² sa-bagai pembantu kepada Pegawai Penerangan yang telah ada dan peruntukan perjalanan, terutama kepada Pegawai² Penerangan Bahagian Khas hendak-lah tidak di-hadkan saperti sekarang ini sa-hinggakan menyebabkan kadang kali tergendala mereka untuk menjalankan tugas mereka.

Menyentoh soal perkembangan pelajaran dalam Ranchangan Malaysia Kedua, kita dapati tujuh buah sekolah vocational akan di-adakan di-samping sa-buah universiti ia-itu Universiti Pertanian yang akan munchul dalam tahun 1973 dan beberapa fakulti lagi akan di-adakan di-dalam Universiti² Malaya, Pulau Pinang dan Kebangsaan, tetapi satu fakulti, pada pendapat saya mustahak juga di-adakan segera dan perkara ini telah pun di-ura²kan semenjak beberapa lama dahulu lagi, ia-itu Fakulti Kewartawanan yang akan mengeluarkan wartawan² yang terlatah untuk memainkan peranan mereka di-dalam negara yang sedang membangun ini. Tiap² sa-orang tidak dapat menafikan demi mustahak-nya peranan yang di-mainkan oleh sa-orang wartawan, sama ada di-masa aman mahu pun di-masa perang. Kita patut memberi pujian tinggi terhadap kebolehan wartawan² di-negara kita ini, yang boleh sa-tengah²-nya menandingi wartawan² luar negeri, walau pun mereka tidak mempunyai kemudahan² latehan sa-bagaimana di-negara lain. Apa yang terdapat dalam Ranchangan Lima

Tahun ini dalam segi kewartawanan ia-lah kursus sahaja yang akan di-adakan dalam Institiut Teknologi MARA. Oleh itu saya shorkan supaya perkara ini dapat di-timbangkan dan di-adakan fakulti ini dengan sa-bberapa segera yang dapat.

Menyentoh ranchangan hendak mendirikan sa-puluh buah sekolah sains berasrama dalam tempoh Ranchangan Malaysia Yang Kedua, saya harap keutamaan hendak-lah di-beri ka-kawasan² Pantai Timor yang ketinggalan dalam serba-serbi kemudahan supaya perimbangan dalam segi pelajaran dapat di-atasi dalam masa lima tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping kita mengemukakan ranchangan raksaksa dalam segala bidang pembangunan, terutama pelajaran, saya berharap kepada Kementerian Pelajaran hendak-lah menyusun balek Sukatan Pelajaran Ugama yang ada sekarang ini dan memberi masa yang chukop bagi mata pelajaran tersebut supaya tiap² mata pelajaran yang di-ajar itu benar² berkesan dan menjadikan pedoman bagi hidup tiap² sa-orang pada masa akan datang. Pada masa ini kita dapati masa yang di-beri untuk mata pelajaran ugama ia-lah sa-banyak 120 minit pada sa-minggu di-Sekolah² Rendah dan Menengah. Dengan sukatan pelajaran yang begitu banyak tentu-lah tidak men-chukopi, kerana di-bawah mata pelajaran Pengetahuan Ugama terdapat beberapa pechahan lagi saperti pelajaran Fekah, Tauhid, Sejarah dan sa-bagai-nya, dengan tiap² satu mempunyai sukatan pelajaran yang begitu banyak dan tidak dapat di-laksanakan dengan jaya-nya. Oleh itu, saya shorkan supaya Sukatan Pelajaran Ugama ini di-semak sa-mula dan di-susun dengan lebeh kemas dan padat dan masa di-tambah dari 120 minit kepada 160 minit bagi Sekolah Menengah dan 140 minit bagi Sekolah Rendah supaya apa yang di-sampaikan itu kepada penuntut² kelak dapat di-beri dengan lebeh berkesan lagi.

Menyentoh soal Pembukaan Tanah dalam tempoh lima tahun Ranchangan Malaysia Kedua ini, saya berharap Kerajaan tidak sahaja akan menumpukan kepada penanaman getah kerana sa-bagaimana yang kita tahu soal penghargaan getah dan pasaran getah ada-lah bergantung kepada ihsan dan kasehan-belas negara² besar, terutama Amerika Shariat dan kita harus memada² dengan apa yang telah ada dan membuka tanah² pada masa akan datang hendak-lah di-tumpukan

kapada tanaman² yang lain seperti lada hitam, kapas, kelapa sawit dan lain² tanaman yang di-shorkan oleh Pakar² Pertanian dalam negara ini. Itu-lah sahaja ucapan saya dan sa-kali lagi saya menyokong penoh Rancangan Malaysia Kedua.

Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dasar² yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua ini dan pada pendapat saya rancangan ini merupakan satu sinar harapan bagi orang² yang tidak berada di-dalam negara kita ini dan saya jangka dengan terlaksana-nya Rancangan Malaysia Yang Kedua ini akan menjadi satu pendorong atau perintis jalan kepada terujud-nya sa-buah Negara Kebajikan yang mana tiap² warganegara akan mengidam²kan, akan berazam supaya hendak melihat ujud-nya sa-buah Negara Kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan telah pun memerintah dalam negeri kita ini menjak tahun 1952 dan mempunyai pengalaman praktik atau practical politics sa-lama hampir² 20 tahun sejak tahun 1952 lagi, memerintah Majlis² Tempatan sa-hingga Majlis Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat dan memperjuang dalam hal politik ini lebih daripada 25 tahun.

Saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Bungsar mengatakan ada di-antara Menteri² kita tidak layak, tidak chukop kebolehan untuk menjadi Menteri, tetapi saya ingin menegor Yang Berhormat, Menteri² kita berjuang dalam politik dahulu, Yang Berhormat itu masih dalam bangku sekolah, masih berhingus lagi, kata orang Melayu. Dan mereka ini berjuang politik dalam segi teori. Kalau teori saya perchaya tinggal teori sahaja. Lebih baik-lah practical politik yang di-amalkan oleh Yang Berhormat Menteri² kita dan penyokong² Kerajaan sa-belah sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarek perhatian penduduk² dalam negara kita ia-itu perjuangan parti Perikatan berasaskan kapada menegakkan keadilan siasah, keadilan ekonomi dan keadilan sosial. Dari segi siasah kita sudah menchapai maksud-nya dengan memberi hak bagi orang yang lebih daripada 21 tahun mengundi memilih parti mana yang layak untuk memerintah. Tetapi dari segi ekonomi kita masih lagi berjuang dan belum lagi sampai kapada peringkat yang kita idam²kan itu. Sa-lagi keadilan ekonomi tidak dapat di-timbulkan atau di-wujudkan maka

keadilan sosial tidak akan timbul. Maka di-atas dasar ini-lah parti Perikatan berjuang dan menefesto tahun 1969 yang menunjukkan menuju ka-arrah kemajuan maka di-atas menefesto ini-lah bagi pehak parti kita akan berjalan terus untuk melaksanakan chita² dan kehendak² ra'ayat. Barangkali ada di-antara orang kita di-Malaysia ini harus lupa ra'ayat ada kala-nya memberi mandat kapada parti² yang lain daripada parti Perikatan ia-itu kapada parti PAS, parti Front Socialis, Parti P.P.P., Parti Gerakan dan Parti SNAP yang memerintah Kerajaan² Negeri ada juga yang memerintah bandaran, Municipal Pulau Pinang, Municipal Melaka, Municipal Kuala Lumpur dan juga Kerajaan Negeri yang diperintah oleh PAS, Kerajaan Gerakan yang memerintah Kerajaan Pulau Pinang, dengan ini dapat-lah ra'ayat jelata mengukur sa-takat mana-kah kebolehan bagi parti² ini men-tadbir dan memerintah negara kita ini. Saya perchaya tidak ada tolok banding-nya kalau hendak di-tandingkan dengan chara² yang di-perintah oleh Perikatan. Perikatan memegang satu record yang chemerlang memerintah negara ini daripada tahun 1952 Local Council dahulu sa-hingga pada masa sekarang ini. Saya perchaya tidak ada sa-buah parti di-Tenggara Asia ini boleh melawan atau bertanding dengan parti Perikatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin menegor di-atas rancangan ini ia-itu mengenai dasar pelajaran. Sa-bagaimana kita tahu negara kita ini ada-lah sa-buah negara pertanian dan jikalau kita lihat dasar pelajaran kita menunjukan ka-arrah mengeluarkan sa-banyak²nya ahli² professional: Lawyer, Doctor, Engineer dan lain². Tidak-kah kita merasa dengan kemajuan mengeluarkan ahli² professional ini sekarang kita ada 8,000 dalam negara kita ini penuntut², di-luar negara kita ini ada 5,000 jumlah 13,000; tiap² tahun satu pertiga keluar mereka ini sa-ramai 4,000. Kerajaan harus ambil 1,500, pehak Swasta dan pehak yang lain² akan mengambil 1,500 yang lagi 1,000 orang kamana mereka hendak pergi. Saya nampak barangkali 10 atau 15 tahun lagi petition writer akan di-ambil oleh lawyer, penjual ubat kaki lima akan di-ambil oleh doktor ini kemungkinan akan berlaku sa-bagaimana di-negara² India, Ceylon dan lain². Oleh yang demikian, saya berharap dengan sa-besar² harapan kapada Kerajaan yang membentok polisi supaya ubah dasar pelajaran kita kapada menumpukan pelajaran

kapada anak² petani kita, beri pelajaran pertanian, beri didekan pertanian, beri pengalaman pertanian kapada anak² petani kita dan juga kapada anak² penangkap ikan dengan sa-chara jangka panjang, kursus 6 bulan, sa-kali kursus 9 bulan atau pun dua tahun. Pada masa sekarang ini pehak Kementerian Pertanian memberi didekan latehan pelajaran kapada pegawai atau bakal² pegawai Kerajaan tidak memberi pelajaran kapada anak² petani atau anak² nelayan. Saya berharap Kerajaan akan menumpukan sa-penoh minat untuk menubuhkan, untuk mengadakan, untuk mendirikan beberapa banyak lagi sekolah² pertanian, sekolah nelayan atau pun darjah² pertanian dan darjah² nelayan supaya dapat anak² belajar di-sana dan manakala dapat pelajaran yang chukup mereka akan berdiri di-atas kaki mereka itu sendiri dengan chara mencari nafkah dengan menggunakan pelajaran yang mereka dapati. Saya perchaya, Tuan Yang di-Pertua sendiri tahu sa-bagaimana maju di-Taiwan dan Jepun, saya melawat Negara Jepun dalam tahun 1961 dan Taiwan tahun 1965. Taiwan sa-besar negeri Pahang penduduk-nya sa-ramai 12 juta, Taiwan mempunyai 60 Kolej Pertanian, maka sebab itu kemajuan dalam pertanian dalam Asia ini barangkali tidak dapat di-tandingi Taiwan. Kerana mereka menumpukan pelajaran dan didekan kapada pertanian, sebab itu mereka maju dalam pertanian. Saya harap pehak atasan akan mengkaji apa yang saya berikan fikiran ini mudah² dapat di-ubah hidup orang² yang di-luar bandar.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, masalah² yang di-hadapi oleh peladang² kita. Jadi jikalau kita menaikkan mata pencharian mereka, tetapi tidak tutup kebochoran, kita menaikkan pendapatan mereka tetapi kebochoran itu kita tidak tutup sa-lama itu-lah pehak peladang dan juga pehak nelayan tidak akan menikmati segala kekayaan dalam negara kita ini. Mengikut perangkaan, Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 60% daripada peladang² kita menyewa tanah daripada tuan punya tanah. Jadi Negeri Pulau Pinang ada 40,000 ekar tanah yang boleh di-usahakan dua kali sa-tahun, 60% berma'ana-nya 24,000 ekar tanah. Sewa yang di-kenakan sa-banyak \$200 sa-ekar sa-tahun. Kalau di-kira menjadi \$4,800,000 di-beri kapada tuan punya tanah. Ini-lah bochor hak titek peloh petani bagi kapada tuan tanah. Begitu juga seluroh Malaysia ini 1,524,000 ekar tanah sawah yang 60% kena sewa, jikalau kita taksirkan sa-

banyak mana sewa yang di-bayar ini ada-lah satu kebochoran yang besar.

Dan juga, Tuan Yang di-Pertua, perkara bekalan baja. Perkara harga padi, perkara hutang dengan faedah yang tinggi, ini-lah kebochoran² yang mesti pehak Kerajaan menumpukan sa-penoh-nya untuk menahankan kebochoran ini. Jadi pada pendapat saya alat yang hendak memberi kapada petani² yang sa-baik²-nya ia-lah ranchangan Persatuan Peladang bentok baharu dan ranchangan ini sudah berjalan semenjak tahun 1968 tidak berbau politik dan tidak berbau perkauman, siapa juga bangsa, siapa juga keturunan boleh masok, ini-lah satu harapan yang besar yang pada masa sekarang ini tidak ada satu dasar untuk pasaran tetapi Bill sudah di-kemukakan hendak di-masokkan supaya di-adakan kuasa untuk memasarkan hak hasil-mahsol pertanian sendiri.

Ini satu chara yang baik sa-kali dan saya harap Kerajaan akan memberi sa-penoh² sokongan dan bantuan untuk menganjorkan gerakan Persatuan Peladang yang akan memberi satu jaminan hidup yang baharu kapada peladang² sakalian.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mengenai perkara kita menggalakkan petani² kita mengeluarkan hasil pertanian, berusaha di-atas hasil pertanian, tetapi patut pada masa sekarang ini Kerajaan memikirkan atau menimbangkan untuk hendak mengadakan satu biro atau mengadakan satu jabatan planning and control economy kerana kalau kita tidak ada ekonomi yang di-plankan atau yang tidak di-kawalkan, maka jadi-lah sa-nasib dengan getah kita. Sebab kita tiada plan, getah kita turun naik, turun naik. Kerana apa, keluaran-nya itu dengan penggunaan-nya jauh bedza. Jadi keluar banyak, penggunaan sedikit, teraniaya-lah peladang² kita.

Jadi, saya berharap Kerajaan akan mengadakan plan dan kawalan economy supaya sa-bagaimana di-negara² yang maju barang siapa hendak tanam padi mesti dapat lesen, barang siapa hendak tanam pisang, mesti dapat lesen, barang siapa hendak tanam tebu mesti dapat lesen, barang siapa hendak berternak kambing, berternak babi dan lain² mesti ada lesen, sebab di-ukorkan pengeluaran dan penggunaan, maka dengan sebab itu harga-nya stable, sentiasa stable. Jadi pehak petani pun untung dan pehak pengguna pun untung.

Jadi, saya berharap pihak Kerajaan menerusi NPU-nya akan mengadakan satu rancangan plan economy supaya jangan keluar terlampau banyak, supaya menchukupi di atas apa yang di-gunakan, maka pihak petani² kita tidak teraniaya dan tidak terpedaya pada masa hadapan ini.

Jadi, akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan yang penuh di atas rancangan ini dan saya berharap mudah²an dapat sokongan daripada ra'ayat dan nasib pihak² ra'ayat akan dapat satu perubahan yang besar, kerana bagi pihak nelayan saya dapat tahu ada satu Bill akan di-bentangkan, ia-itu Rang Undang² Persatuan Nelayan. Ini ada-lah menjadi satu alat bagi tiap² nelayan untuk membela nasib mereka itu sendiri dan mengumpulkan modal dengan menangkap ikan dan memproses dan juga menjual ikan mereka itu sendiri, tidak ada orang tengah lagi. Jadi saya berharap dengan ada dua rancangan yang besar ini akan memberi satu perubahan yang besar sa-lain daripada rancangan² yang ada. Saya beri sokongan sa-penuh-nya. Terima kasih.

Tuan Chen Ko Ming (Sarikei): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, Malaysia has built up her reputation among developing countries as a model capable of achieving political stability and economic growth amidst a multi-racial community. In order to maintain political stability we, the representatives of the people of this country, passed the Constitution (Amendment) Bill here in this House early this year. And now in order to achieve economic growth, approval is sought from this House for the Second Malaysia Plan. It is doubtless that political stability and economic growth go together hand in hand—one cannot go alone without the other. I am sure that after the successful implementation of the Second Malaysia Plan this nation will become more united, prosperous and happy than ever.

Mr Speaker, Sir, the Second Malaysia Plan is based on the experiences and achievements of the First Malaysia Plan and also on the needs and aspirations of the people at this present moment. On the whole, the Plan is a sound one, though it may require some modifications here and there. The question is how to go about to implement it smoothly and successfully. I think the success of the Plan will mainly depend on how efficient and dedicated the Government servants are

in carrying out the Plan and how much co-operation and support members of the public give to the implementation of the Plan. In other words, if we want to have a 100% success of the Second Malaysia Plan, all right thinking Malaysian citizens should give their full support to the Plan, irrespective of race, occupation or profession and political belief.

Mr Speaker, Sir, I endorse what the Honourable Member for Payang, who is also the Chief Minister of our Sarawak State, has said in respect of Sarawak on the first day of the debate on the Plan. Nevertheless I would like to elaborate a little more and also to make certain observations.

Mr Speaker, Sir, in order to safeguard the pepper industry and benefit the pepper planters in Sarawak, I fully support the plea made by the Honourable Member for Payang for the restoration of all the funds requested for by the Sarawak Government on the pepper scheme. I also would like to take this opportunity to urge the Federal Government to build pepper grading centres in Kuching and Sarikei as soon as possible, for the present pepper godown in Sarikei is on loan from the Rajang Port Authority. In this connection, I would like to point out that if it was not for the effort made by the Honourable Chief Minister of Sarawak, the pepper in Sarikei would have been taken over by the Rajang Port Authority, thus rendering the pepper planters and dealers in a very difficult position.

Mr Speaker, Sir, in Sarawak foot-rot disease is prevalent in many places, as a result many pepper vines have died. The most badly affected places are Sarikei and Bintang and the less affected places are Serian, Lundu and Sibu. It is estimated that in Sarikei and Bintang about 30 to 40% of the pepper plantations have been destroyed by foot-rot disease. Unless some preventive and remedial measures are found soon the consequence would be serious.

Mr Speaker, Sir, subsidies have been given to the planting of certain crops, such as rubber, coconut, coffee, fruit trees, etc. but so far no subsidies have been given to the planting of pepper. I notice that paragraph 437 says that the subsidy scheme also includes pepper. In view of what I have mentioned earlier on about the damage done by foot-rot disease,

I would like to urge the Government to introduce this subsidy scheme as soon as possible.

Mr Speaker, Sir, at present in Sarawak the Government is giving subsidies to small-holders for rubber newplanting and replanting for only three acres. It is generally felt that this small sized farm of three acres is not economic. Therefore I would suggest that the acreage should be increased from three acres to five acres.

Mr Speaker, Sir, I am glad to learn that in Sarawak the main trunk roads requiring improvement include the Kuching-Sibu and Miri-Bintulu roads as referred to in paragraph 622. I would like to point out here that part of the Sarikei-Binatang Road, which is covered by the Kuching-Sibu road has not been surfaced yet. As traffic is getting heavier and heavier along this part of the road, I hope that work to improve it will start in the near future.

Mr Speaker, Sir, I must thank the Federal Government for constructing a new wharf for Sarikei during the last part of the First Malaysia Plan though the scheme was not there originally. The new wharf is expected to be completed at the end of the year. The estimated cost was \$1.25 million, but the tendered price is below \$1 million, thus making a saving of \$0.25 million. As godown space in Sarikei is inadequate, I hope the Government would make use of the saving to build a new godown for Sarikei.

Mr Speaker, Sir, Paragraph 734 says that it is the Government's policy to provide nine years of schooling for every child. And now it is also the intention of the Sarawak Coalition Government to abolish the Common Entrance Examination for entry to secondary schools in Sarawak. That means in future every child in Sarawak will be able to receive nine year's education. Once this system is introduced in Sarawak a lot more teachers and class-rooms would be required. This of course means more money would be needed. I wonder whether the Federal Government has made provisions for this increase.

Mr Speaker, Sir, in Sarawak due to the limited places in the sixth Form, many Cambridge School Certificate good grade one holders failed to get admission to Form VI. I would like to appeal to the Government to provide more places in the Sixth Form.

Of course, opportunities and facilities for the upper secondary level like Form IV and Form V—should be expanded proportionally also.

Mr Speaker, Sir, generally speaking, the non-Malays are more advanced economically and educationally than the Malays and other indigenous people. So, the more assistance to be given to the Malays and other indigenous people in the fields of commerce, industry and education is fair and reasonable.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: How much longer have you got? It is nearly 15 minutes now.

Tuan Chen Ko Ming: I am coming to the last paragraph. Mr Speaker, Sir, as Malaysia is fairly rich in natural resources but thinly populated, there is plenty of room for everyone in this country. Let us all concentrate our energies and efforts on nation building, to build a peaceful, united, just, prosperous and happy Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I beg to support the Plan. Thank you.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan berbilang² terima kasih di atas kemurahan hati Tuan untuk membenarkan berchakap sa-patah dua bagi membayangkan hasrat dan chita² ra'ayat negeri saya, negeri Perlis yang kecil yang letak-nya di-utara Malaysia ini. Sungguh pun masa sekarang ini terhad tetapi biar-lah saya berchakap dengan chara yang ringkas untuk memberi sokongan yang sa-penoh²-nya terhadap dasar baharu Kerajaan Perikatan sekarang ini yang benar², sungguh² dan concrete bagi menjayakan ranchangan² ekonomi seluruh ra'ayat di-Malaysia kita ini termasuk ra'ayat di-Malaysia Barat dan juga Malaysia Timor.

Ranchangan yang di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu sama besar-nya untuk kita berbangga sa-bagaimana kebanggaan yang di-buat oleh ra'ayat Indonesia sekarang ini dengan kemenangan pilihan raya Selka, Golkar untuk memulakan langkah demokrasi yang baharu dan langkah pertama dalam ekonomi mereka itu, maka kita boleh-lah berbangga dengan ranchangan raksaksa ini untuk membimbing ra'ayat negara kita ini ka-arrah yang lebeh sempurna dan lebeh baik pada masa yang

ka-hadapan. Kalau bagi Russia dan Amerika berbangga dengan kejayaan roket untuk sampai ka-bulan umpama-nya, tetapi kita berbangga dengan penggerak untuk sampai ka-merchu bahagia bagi negara kita yang muda ini.

Di-dalam menjalani kejayaan ini kita perlu yakin, dan bagaimana yang di-suarakan oleh saudara² saya yang berchakap terlebih dahulu bahawa sa-bagaimana kejayaan yang di-jalankan pada masa Ranchangan Malaya Yang Pertama dan Malaysia Yang Pertama yang di-pimpin oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman pada masa yang lalu dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga sa-bagai panglima-nya telah banyak membawa perubahan² yang penting sa-bagai perintis jalan bagi mencapai kemajuan dan bagi mencapai merchu kejayaan sa-bagai-mana yang kita chita²kan.

Apa yang kita dapati semenjak 14 tahun merdeka dengan kejayaan² yang di-dapati oleh Negara² lain di-Tenggara Asia ini yang lebih dahulu mencapai kemerdekaan dari negeri kita ini, terutama sa-kali negara² jiran jauh lebih maju jikalau kita bandingkan dengan negara lain itu yang sekarang ini maseh bertumpahan darah, maseh berebut² kuasa, maseh belum lagi kita dapati chara pembangunan ekonomi-nya dan juga chara kebaikan sosial-nya masing². Tetapi apa yang kita dapati daripada negara kita yang baharu merdeka sa-lama 14 tahun ini terang dan jelas, dan bagi pehak parti² lawan harus-lah mengaku² kebenaran ini. Jangan-lah mereka membandingkan kemajuan² itu dengan negara² yang telah dahulu beratus² tahun merdeka atau pun sa-kurang²-nya negara² yang di-tumpukan ta'at setia-nya sendiri.

Jadi, dengan yang demikian saya berharap-lah kepada parti² Pembangkang supaya di-dalam mengeluarkan ucapan² hendak-lah berhati², supaya perkara ini tidak menjadi jelak dan jemu kepada orang ramai dan orang² yang benar² chintakan kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukachita-lah sedikit sa-banyak menyampaikan hasrat ra'ayat² negeri Perlis. Pada hari minggu yang lalu saya pulang ka-Perlis dan saya serahkan Buku ini kepada kawan² saya, kepada ahli² politik, ahli² ekonomi, dan telah memberi ulasan bahawa ranchangan ekonomi baharu yang di-bentangkan ini ada-lah ranchangan yang sa-baik²-nya yang harus di-sambut,

harus di-puji, harus di-ikuti atau pun harus di-amalkan oleh Kerajaan pada masa sekarang ini.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan saya mengulaskan lebih panjang lagi, maka saya suka menyatakan sahaja hasrat² ra'ayat negeri Perlis.

Perlis hanya mempunyai keluasan pada masa dahulu 316 batu sekarang telah menjadi laut sa-tengah-nya sudah tinggal 310 batu persegi sahaja dan dengan penduduk-nya sa-banyak 110,000 sahaja lebih kurang. Negeri Perlis terbahagi kepada dua kawasan, ia-itu Perlis Utara dan Perlis Selatan. Sumber pendapatan dalam Negeri Perlis tidak banyak ia-itu yang banyak sa-kali ia-lah bersawah padi. Negeri Perlis mempunyai satu ratus ribu ekar lebih kurang sawah padi-nya dengan pendapatan lebih kurang 5 juta gantang pada sa-tahun. Sa-lain daripada itu ia-lah sedikit² tanaman getah dan sedikit² tanaman² yang lain. Tanaman padi yang saya katakan tadi ada-lah meliputi seluruh kawasan Perlis Selatan sedangkan Perlis Utara hanya ada sedikit² kebun getah. Tanah di-peruntukan sa-banyak 10,000 ekar untuk tanaman tebu, 10,000 ekar lagi untuk tanaman tebu ranchangan FLDA dan satu kawasan lagi untuk membuat kilang simen, tetapi belum lagi di-jalankan kawasan itu semua.

Tuan Yang di-Pertua, memandang keadaan² yang saya katakan tadi ini jelas-lah bagi Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini bahawa sumber pendapatan dalam Negeri Perlis ini amat sedikit. Dan di-antara 110,000 orang ra'ayat yang saya katakan tadi sa-lain daripada kanak² hampir² 30% daripada-nya tidak mempunyai pekerjaan, tidak mempunyai hak, tidak mempunyai tanah dan tidak mempunyai pendapatan rezki yang banyak daripada hasil pembangunan yang kita jalankan semenjak merdeka sampai sekarang ini. Jadi apa yang saya maksudkan walau pun molek dan chantek-nya ranchangan² di-karang di-dalam buku ini, tetapi kalau sa-kira-nya tidak di-hati²kan betul² bahawa ra'ayat Negeri Perlis sa-benar-nya tidak dapat mengechap langsung nekmata² yang ada dalam buku yang di-ranchangkan ini. Jadi maksud saya supaya pehak Kerajaan akan mengambil perhatian yang benar² terhadap negeri yang mundur ini.

Pendapatan pada keseluruhan-nya dalam Negeri Perlis hanya lebih kurang \$2.9 million dengan perbelanjaan \$3 million lebih. Jadi berma'ana Negeri Perlis kekurangan lebih kurang 1 million pada tiap² tahun yang

hanya bergantung kepada Kerajaan Pusat. Kalau sa-kira-nya ranchangan² ini tidak ditumpukan kepada negeri yang mundur sa-bagaimana Negeri Perlis ini tentu-lah sa-kali keadaan-nya deficit atau pun kekurangan wang akan terus berlaku, bukan sahaja \$1.2 million bahkan akan jadi dua, tiga million ringgit dalam ranchangan lima tahun kahadapan. Kerana bertambah-nya penduduk², bertambah-nya penganggor² dan bertambah-nya pula ranchangan² yang di-kehendaki oleh ra'ayat. Jadi maksud saya supaya negeri² yang mundur bukan sahaja Negeri Perlis, tetapi juga Negeri² di-sabelah Pantai Timor Malaysia Barat, ada juga negeri² yang deficit tetapi hanya yang saya chakapkan bagi masaalah Negeri Perlis sahaja. Jadi apa yang saya maksudkan bahawa saya seru-lah pehak Kerajaan untuk melaksanakan ranchangan ini supaya sa-lain daripada menjamin harga padi, harga beras yang di-ranchangkan oleh Kerajaan di-dalam Lembaga Padi dan Beras yang akan di-bentangkan oleh Kerajaan tidak berapa lama lagi sa-lain daripada Kerajaan berikhtiar untuk meninggikan lagi harga getah, tetapi saya harap supaya Negeri Perlis ini akan ditempatkan pegawai² yang dapat menyiasat hasil bumi di-dalam Negeri Perlis sendiri, kerana kalau sa-kira-nya tidak di-adakan penyiasatan hasil bumi, kaji bumi umpama-nya tentu-lah sa-kali pada masa lima tahun, sa-puluh tahun akan datang lagi Negeri Perlis sudah tidak mempunyai hasil apa² lagi. Maksud saya walau pun Negeri Perlis ini sa-buah negeri yang kecil, tetapi mengikut ahli² kaji bumi maseh ada lagi bahan² yang dapat di-pertinggikan ekonomi dan akan dapat menghasilkan hasil yang lebih banyak, yang akan dapat mengatasi masaalah kekurangan wang pada masa 5 atau 10 tahun kahadapan. Negeri Perlis sa-bagaimana yang saya katakan tadi, bijeh timah sudah hampir² kehabisan, tetapi mengikut ahli² kaji bumi ada lagi bahan² yang lain, ia-itu sa-bagaimana bahan² logam, besi dan bahan² yang dapat di-jadikan alat² tembikar, pinggan mangkok dan sa-bagai-nya maseh ada lagi di-sana. Kalau sa-kira-nya ada kumpulan² atau ahli² kaji bumi yang betul² chekap, maka saya perchaya logam² ini akan dapat di-siasat dan akan dapat di-jadikan satu bahan yang akan menambahkan hasil dalam negeri kita ini.

Yang kedua, saya berharap juga kepada pehak Lembaga Pemuliharaan Tanah akan dapat menyiasat betul² kedudukan tanah

dalam Negeri Perlis ini. Bukan sahaja sesuai untuk tanaman padi atau pun tanaman getah, tetapi apa² tanaman lain juga yang dapat menghasilkan pendapatan yang lebih banyak kepada petani². Umpama-nya kawasan² yang sesuai dengan tanaman ubi kayu untuk di-jadikan, dan di-dirikan sa-buah kilang ubi kayu yang dapat menjamin pasaran-nya. Tempat² yang banyak lagi di-Perlis ia-itu tanah pinggir yang gagal yang beribu² relong yang belum di-pulehkan lagi boleh-lah di-siasat di-situ apa² tanaman yang baik untuk di-jadikan, dan menjamin pasaran dan mengadakan kilang² di-situ.

Sa-lain daripada kilang ubi kayu, kilang kacang tanah dan lain² lagi boleh di-usahakan. Sa-lain daripada itu sa-bagaimana saya katakan tadi penyiasatan berhubung dengan ranchangan² lain umpama-nya mendirikan kilang², kilang dedak umpama-nya, kilang batang pisang dan juga kilang² yang lain yang dapat di-jadikan bahan² sa-bagaimana yang terdapat di-Negeri Siam. Di-Bangkok ada sa-buah kilang umpama-nya kilang dedak yang dapat mengeluarkan minyak dan sa-bagai-nya. Di-Perlis oleh sebab banyak bahan² ini boleh-lah di-ikhtiarkan supaya sa-buah kilang sa-umpama ini di-adakan. Begitu juga bahan² yang lain jerami dan sa-bagai-nya

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa perkara lain lagi ada Yang Berhormat ini? Masa ada-lah terhad.

Tuan Othman bin Abdullah: Ya, terima kaseh. Kilang kertas dan sa-bagai-nya. Jadi oleh sebab masa tidak mengizinkan saya berchakap panjang, maka saya berharap sa-kali lagi supaya pehak Kerajaan akan menghantar rombongan² menyiasat hal² hasil bumi di-dalam Negeri Perlis dan juga penyiasat untuk memulehkan tanah² Negeri Perlis dan juga menyiasat bahan² yang boleh di-jadikan kilang² perusahaan untuk menggantikan sawah padi dan juga lain² hasil yang tidak mendatangkan faedah kepada ra'ayat seluruh-nya. Sekian sahaja, terima kaseh.

Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (Kina-batangan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sa-penoh²-nya chadangan yang di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ia-itu chadangan yang mengandungi dasar ekonomi baharu dan juga Ranchangan Malaysia Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Kerajaan Perikatan berkuasa berbagai² ranchangan telah di-usahakan dan tidak pula di-nafikan kejayaan² pada masa yang lalu sekarang ini Kerajaan melancarkan pula Ranchangan Malaysia Kedua, ia-itu sa-telah mengkaji hasil ranchangan yang pertama dahulu itu, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan sa-telah menyedari kelemahan² yang terdapat pada masa yang lalu itu akan berusaha sa-daya upaya bagi mengelakkan, mengulangkan-nya kelemahan² yang lalu. Saya berharap Perdana Menteri bagi pehak Kerajaan akan mengambil tindakan tegas kepada sa-siapa juga yang hendak mengkhianati Ranchangan Malaysia Kedua ini.

Tuan Yang di-Pertua, sa-kali pun ranchangan yang di-tulis mengandongi sa-banyak 297 muka itu telah di-kaji sa-dalam² nya oleh pakar² dan cherdek pandai di-dalam pentadbiran Kerajaan, tetapi saya suka juga membentangkan beberapa pandangan yang patut di-pertimbangkan oleh pehak Kerajaan Pusat terutama kepada Kementerian yang menjadi penggerak utama dalam menjayakan ranchangan² ini. Saya suka juga memberi perhatian kepada Jabatan Kerja Raya seperti yang terma'alum alat yang boleh memberikan kesedaran kepada ra'ayat ia-lah perhubungan jalan² raya, menerusi jalan raya ra'ayat terutama di-kawasan pendalaman² mahu pun di-luar bandar dapat mengeluarkan hasil tanaman, ternakan dan lain² disamping dapat pula meluaskan pandangan ka-lain² daerah tentang kemajuan² mahu pun dari segi perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, ranchangan² jalan ini ia-lah di-kawasan Kinabatangan dan Labuk Sugut sangat² kekurangan jalan bukan sahaja kekurangan tetapi sa-benar-nya belum ada jalan² raya, maka ini sangat² lah di-perlukan oleh ra'ayat. Oleh itu, saya berharap masaalah jalan raya khas-nya di-Sabah, saya berharap pehak Kerajaan Pusat dapat memberi perhatian berat bersama² dengan Kerajaan Negeri dan memberikan keutamaan kepada Ranchangan Lima Tahun Kedua ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di-Negeri Sabah telah ada Kementerian² yang di-tadbirkan oleh Kerajaan Negeri sendiri, tetapi saya berharap sangat supaya dapat kira-nya pehak Kementerian Kerja Raya Pusat mengadakan rundingan² dengan Kerajaan Negeri bagi melichinkan perlaksanaan Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua ini,

terutama di-dalam menghadapi kekurangan ahli² teknik dan lain².

Tuan Yang di-Pertua, suka juga-lah saya menarek perhatian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas satu ura² atau pun chadangan pada masa yang lalu, ia-itu hendak meluaskan perkhidmatan keretapi di-Sabah dan dari Kota Kinabalu ka-Tawau. Pada pendapat saya kira-nya ranchangan ini dapat di-pertimbangkan sa-mula sa-dalam² nya Kerajaan Negeri mahu pun Kerajaan Pusat, saya yakin faedah yang besar akan dapat di-nekmati oleh seluroh ra'ayat di-daerah Tawau dan juga Sandakan sa-terus-nya Kota Kinabalu.

Saya menguchapkan terima kaseh atas pandangan Kerajaan terhadap beberapa ranchangan yang akan di-laksanakan di-Negeri Sabah. Saya berharap ranchangan² ini akan dapat di-laksanakan dengan sa-baik² nya mithal-nya pembenaan² lapangan terbang. Saya berharap hal ini dapat juga di-perbaiki, dapat di-berikan perhatian kepada pembenaan² lapangan² terbang kechil di-daerah pendalaman, kerana pada masa yang lalu telah pun ada ranchangan² tersebut, tetapi malang-nya ranchangan itu tinggal dalam ranchangan sahaja. Saperti ranchangan di-Kuamot, Kinabatangan dan juga di-Sungai² Labuk/Sugut, saya tidak-lah begitu faham sama ada di-anjorkan oleh Kerajaan Negeri atau pun Kerajaan Pusat, tetapi saya ketahu² ranchangan itu terbiar sahaja. Jadi saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian dengan sa-wajar-nya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat?

Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar: Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit lagi.

Dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, saya berharap juga dapat di-perbaiki Jabatan Pos dan Talikom untuk menggalakkan orang ramai berjimat chermat dan menyusun rangka ekonomi di-rumah masing², maka ada baik-nya kalau perkhidmatan di-Jabatan² Pos yang di-dalam-nya termasuk saving bank di-perluaskan lagi di-kawasan² luar bandar dan di-pendalaman khas-nya di-Negeri Sabah, kerana perkhidmatan sa-umpama itu saperti di-dapati berjalan dengan baik-nya di-Malaysia Barat.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya mengucapkan tahniah dan mengalu²kan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini yang mana ada terkandung di-dalam Buku Merah yang telah di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya sangat² menyokong penoh di-atas ranchangan ini. Terima kaseh.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua yang di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kapada saya ada-lah merupakan anak kunchi emas ka-arrah kema'amoran bersama di-mana seluroh ra'ayat tanpa mengira kaum dan keturunan akan mendapat pembahagian rezki yang sama. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi perlaksanaan Ranchangan Pembangunan ini ra'ayat dalam negeri Trengganu menunggu dengan perasaan yang berdebar dan chemas kerana khuatir kalau² mereka lagi sa-kali ketinggalan dalam ranchangan ini tambahan pula dalam Buku Merah ini di-muka 128 bahasa kebangsaan, cheraian 333 ada me-yatakan bahawa:

Kejayaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ada-lah bergantung kuat kapada aktiviti² Kerajaan Negeri, banyak dari sumber² alam yang penting terutama sa-kali tanah, hutan dan galian ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan² Negeri. Kerajaan Negeri memerlukan pegawai² peranchang dan pentadbir² yang lebeh terlatelyang sadar akan tujuan² negara dan mempunyai kebolehan untuk menggunakan puncha pengeluaran negeri dengan sa-penoh²-nya.

Mengenai hal ini, Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan saya bimbang kerana negeri Trengganu sejak dari penutupan lombong bijeh besi di-Dungun telah mengalami kekurangan wang yang amat terok dan kini hanya bergantung kapada hasil kayu-kayan yang terbatas.

Sa-lain dari itu, negeri Trengganu juga amat terhad dengan pegawai² peranchang dan pentadbiran yang benar² terlatelyang juga kekurangan kaki-tangan dalam bidang teknik dan pengurusan. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perlaksanaan Ranchangan Pembangunan Kedua ini sa-lain dari masalah kewangan akan bergantung kapada keupayaan pegawai² terutama di-perengkat daerah. Maka sa-bagaimana yang kita sakalian sedia ma'alum bahawa Pejabat Daerah di-tiap²

Daerah akan di-minta memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan satu ranchangan. Hal ini amat-lah menyedehkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana sa-tengah² Pejabat Daerah mempunyai pegawai yang sangat² terbatas. Pegawai Daerah yang merupakan ketua di-tiap² Daerah yang hanya di-bantu oleh beberapa orang penolong-nya sahaja terpaksa memikul berbagai² beban dan tidak-lah keterlaluan, Tuan Yang di-Pertua, jika saya katakan sa-tengah² Pejabat Daerah, terutama sa-kali dalam negeri Trengganu, khas-nya di-kawasan saya ia-lah Besut ada-lah merupakan sa-bagai "pejabat dalchar" sahaja. Kerana semua masaalah yang ada kait-mengait dengan Kerajaan dan kepentingan orang ramai di-bebankan kapada Pejabat Daerah dan di-atas kepala Pegawai Daerah-lah memikirkan 1,001 macham dalam sa-hari kadang² Pegawai Daerah terpaksa di-ganggu pula dengan berbagai² perayaan dan kerja² menghadapi orang ramai dan juga meng-hadapi benchana alam saperti banjir dan lain² yang datang sa-tiap tahun di-Pantai Timor.

Mengenai kewangan, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kapada Kerajaan Pusat supaya memberi peruntokan yang lebeh kapada negeri Trengganu saperti saya katakan tadi kini sedang menghadapi kewangan yang amat tenat kerana dengan keadaan yang ada sekarang ini kira-nya tidak di-beri per-untokan yang lebeh. Tuan Yang di-Pertua, mungkin-lah negeri Trengganu menghadapi masaalah kewangan yang paling rumit dan ra'ayat akan menangis di-samping melihat ra'ayat dalam negeri² lain bergembira dengan ranchangan² Pembangunan. Dan sa-kira-nya keadaan yang saperti ini berlaku terus-menerus, Tuan Yang di-Pertua, maka saya suka menyatakan dalam Dewan ini kapada pemimpin² Pusat di-harap jangan terkejut kalau² terchetus suatu peristiwa di-luar dugaan dalam negeri Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri Trengganu sekarang ini ada satu ladang yang di-buat oleh Kerajaan Negeri dan dapat bantuan dari Kerajaan Pusat yang dapat menampung belia² mendapat pekerjaan ia-itu ladang kelapa sawit di-Sungai Tong. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan Pusat akan dapat memberi sa-penoh² bantuan dan sumbangan untuk menjayakan ladang ini supaya Kerajaan Negeri Trengganu dapat menampung, dapat membantu pemuda² yang menganggor ini masok ka-dalam ranchangan ini menggantikan tempat lombong bijeh di-Bukit Besi yang terpaksa di-tutup.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh ucapan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Bahru Hulu di-Dewan ini 13hb Julai baharu² ini di-mana antara lain beliau berkata, saya minta izin menyebutkan perkataan-nya, Tuan Yang di-Pertua. Kata-nya "Bila kita kajikan soal ini sa-chara menyeluroh-nya kita akan dapat menyaksikan sa-chara garisan kasar kandungan Buku Merah ini memberikan suatu gambaran yang indah, tetapi jalan hendak menyampaikan kepada gambaran yang indah itu terlalu kabor." Tuan Yang di-Pertua, pada pengertian saya dari perkataan Ahli Yang Berhormat ini dengan kedudukan-nya sa-bagai pemimpin Partai Islam ia-itu PAS maseh terlalu kabor dengan perlaksanaan Rancangan Malaysia Kedua ini. Dan jika ini-lah kedudukan yang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kapada-nya kalau keadaan-nya sendiri telah begitu kabor, jangan-lah pula chuba hendak mengkaborkan pengikut²-nya dan pemimpin² serta ahli² parti-nya dan juga ra'ayat, kerana keadaan yang seperti ini pernah di-lakukan, Tuan Yang di-Pertua, di-masa² yang lalu.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai penyertaan dan sokongan ra'ayat terhadap rancangan pembangunan. Di-masa yang sudah² ra'ayat sentiasa memberi sokongan dan bersedia untuk menyertai rancangan² Kerajaan. Tetapi yang sentiasa menghalang dan mengganggu fikiran ra'ayat ia-lah pemimpin² dan penyokong² parti Pembangkang. Walau pun di-dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, ramai pemimpin² Pembangkang telah memberi sokongan, tetapi saya khuatir, sebab mereka ini kadang² di-dalam Dewan ini mereka berchakap dengan satu nada, tetapi apabila keluar daripada Dewan ini mereka pula berchakap dengan nada yang lain.

Saya minta kapada pemimpin² Pembangkang ini supaya sentiasa bersikap jujur sama ada di-dalam atau di-luar Dewan ini dan memandang jauh kahadapan demi untuk kepentingan ra'ayat. Dan bersama²-lah nanti kita mengajar ra'ayat memberi sokongan kapada Rancangan Malaysia Kedua ini. Dan untuk mengawal dan memastikan supaya rancangan ini dapat berjalan dengan baik, saya menyokong chadangan atau shor yang di-beri oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ia-itu pehak jentera Jabatan Penerangan atau Kementerian Penerangan hendak-lah di-perkemaskan betul² kerana dari pengalaman yang lepas

kita memang tahu pehak Pembangkang akan memainkan suatu peranan yang lain di-luar dari Dewan ini, maka dengan menguatkan jentera ini, kita akan dapat menarik ra'ayat supaya ra'ayat dapat memahami keadaan yang sa-benar yang di-kehendaki oleh Kerajaan. Dan di-samping kita mengemaskan jentera ini kebajikan pegawai² juga hendak-lah di-beri kerana pegawai² ada-lah manusia biasa. Kalau tenaga-nya di-kehendaki dalam keadaan yang kita berkehendakkan kapada tenaga-nya, tiba² kebajikan-nya tidak di-beri, maka sudah tentu-lah hati mereka pun akan timbul suatu perasaan sama seperti manusia yang lain.

Jadi, ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa suatu pandangan yang saya harap benar² di-beri pertimbangan oleh pehak Kerajaan. Terima kaseh.

Awang Bungsu bin Abdullah (Limbang-Lawas): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi tahniah dan terima kaseh kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengemukakan kapada Dewan yang mulia ini Rancangan Malaysia Kedua bagaimana yang ada terkandung di-dalam Buku Merah ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi dasar², tujuan², syarat² dan maksud rancangan kedua ini dan dasar² dan tujuan Ekonomi Baharu itu ada-lah tertulis di-dalam buku ini dengan chukup jelas. Dan apabila di-kajikan dengan chukup teliti atau di-dugakan dengan mendalam, maka kita dapat kesimpulan segala perkara ini ia-lah suatu niat yang sungguh hendak menchapai dan mempertambahkan keamanan, dan kema'amoran negeri ini untuk sa-lama²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah suatu niat yang sangat baik yang di-ingini oleh segala bangsa di-dunia yang patut mendapat sokongan daripada semua Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, apa sahaja parti atau apa bangsa, ugama mereka dan kita berbath dan berbantah bukan untuk membangkang atau menyingkir chita² yang baik itu, melainkan kita berbath dan bertukar fikiran atas syarat² dan perlaksanaan semua perkara ini untuk menchari daya-upaya agar chita² yang baik itu dapat wujud kelak untuk kita dan untuk anak chuchu di-dalam jenerasi² akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa kita akan berjaya di-dalam menunaikan chita² yang baik ini apabila segala pehak²

berkuasa dan badan² yang tertentu untuk melaksanakan ranchangan² ini akan menjalankan tugas-nya dengan tidak memilih parti politik, atau kaum dan ugama melainkan memandang kepada kesusahan², perkumpulan dan kemiskinan sama rata antara segala ra'ayat Malaysia. Di-mana ada keperluan dan kesusahan dalam suatu State atau sa-suatu daerah atau kuasa yang perlu layanan yang lebeh baik di-laksanakan, di-beri layanan yang berpadanan, mithal-nya sekarang ini Sarawak maseh ketinggalan sangat di-belakang pembilangan Sekolah Perubatan, perniagaan, pertanian dan perhubungan. Saya memohon Kerajaan memberi peruntukan yang lebeh banyak lagi kepada negeri Sarawak, terlebeh lagi di-dalam Bahagian Kelima Limbang dan Lawas dan juga semua ranchangan² yang patut di-buat atau yang sudah sedia hendak di-buat patut-lah di-buat dengan chepat dan jangan-lah di-lalai²kan oleh pehak yang berkuasa, mithal-nya jalan raya di-kawasan Sarawak, yang di-namakan Bungsiol Road itu telah di-mulakan di-dalam Ranchangan Pertama tempoh hari. Dan tidak beberapa lama kemudian-nya lalu di-tarek balek, langsung tidak di-sambong lagi sampai pada masa sekarang.

Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, wang untuk membena sa-buah masjid di-Limbang itu, yang berjumlah \$80,000, yang di-janjikan oleh Kerajaan dalam beberapa tahun yang telah lalu itu pun belum di-beri sampai hari ini. Dari itu-lah ra'ayat banyak dukachita di-atas perjanjian Kerajaan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Saya harap Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, Menteri² yang berkenaan mereka menjalankan tugas yang sa-betul²-nya terhadap ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memanjangkan dan juga ada banyak ranchangan yang perlu di-buat dengan lekas di-Bahagian Kelima Sarawak seperti sawah² padi, kebun² kelapa sawit, lada hitam dan jalan² ka-hulu seperti ka-Bekalalan dari Lawas, hospital² kechil di-luar bandar menggunakan jalan² raya dari Limbang Town ka-Sekolah Menengah.

Semua ini perlu-lah di-buat dengan lekas supaya ra'ayat di-kawasan² tersebut mendapat faedah dan dapat insaf yang pemerintah betul² bertugas untuk kema'amoran ra'ayat dan bukan berjuang untuk kemewahan sendiri. Ini ada-lah satu tegoran untuk semua wakil² ra'ayat, baik pehak Kerajaan, pehak Pembangkang dan mahu pun bagi pehak kaki-tangan² Kerajaan; kita sa-harus-nya bekerjasama di-atas Ranchangan Malaysia Kedua ini.

Tuan Yang di-Pertua, dan juga saya perchaya di-dalam perlaksanaan ranchangan ini dan dalam hal menunaikan chita² yang baik ini, jikalau kita ingin berjaya ada-lah sangat² perlu mengambil timbangan berat terhadap belia² di-Sarawak yang bilangan-nya banyak dan umor-nya meninggalkan sekolah itu maseh muda—tidak dapat kerja, tidak berhaluan di-masa depan. Kerajaan harus melatehkan mereka ini dengan segala bilangan dan membahagikan tanah supaya yang lain-nya dapat bekerja sendiri. Sementara saparoh-nya, apabila sudah berlateh dalam sa-suatu bidang pelajaran yang tertentu dapat-lah di-terima oleh majikan supaya mereka itu akan menjadi orang² yang baik di-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum saya menamatkan ucapan ini, saya ingin menyeru bahawa mana² yang telah sampai semua-nya, kita wakil² ra'ayat di-negeri ini harus meninggalkan perselisihan faham kita, baik dalam bidang politik atau di-dalam hal kaum, ugama dan kebudayaan. Dan harus-lah kita bertugas bersama² untuk menunaikan chita² yang baik yang terkandung di-dalam dasar ekonomi baharu Malaysia ini dan yang di-ranchangkan di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini, dan yang terkandung dalam Rukunegara itu supaya dapat sa-muga²-nya kita akan sampai kepada nasib yang di-ingini itu. Sekian, terima kaseh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Majlis di-tanggohkan sa-hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 19hb Julai, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.30 malam.